





KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



LAPORAN TAHUNAN

KEMENTERIAN PERDAGANGAN
DALAM NEGERI DAN
KOS SARA HIDUP

KPDN 2024




KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

LAPORAN TAHUNAN 2024



KANDUNGAN



iv PERUTUSAN MENTERI & KETUA SETIAUSAHA

MAKLUMAT KORPORAT

- 2 Visi, Misi, Teras Strategik & Moto KPDN
- 4 Carta Organisasi KPDN

ANGGOTA PENTADBIRAN

- 8 Peneraju Kementerian
- 9 Pengurusan Tertinggi
- 10 Pengarah Bahagian
- 14 Pengarah Negeri

18 PENCAPAIAN KPDN 2024

KECEMERLANGAN ORGANISASI

- 22 Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM)
- 25 Bahagian Khidmat Pengurusan dan Kewangan (BKPK)
- 29 Bahagian Akaun (BA)
- 30 Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM)
- 32 Bahagian Audit Dalam (BAD)
- 33 Bahagian Dasar, Perancangan Strategik dan Antarabangsa (BDPSA)
- 37 Bahagian Analisis Ekonomi dan Data Strategik (BAED)
- 38 Unit Komunikasi Korporat (UKK)
- 40 Unit Integriti (UI)

KETANGKASAN PENGUATKUASAAN


- 44 Bahagian Penguat Kuasa (BPGK)
- 54 Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)

Cetakan Pertama 2025
© Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup 2025

Diterbitkan oleh: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN),
No. 13, Persiaran Perdana, Presint 2, 62623 Putrajaya, Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa juga sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup.





PEMACU EKONOMI DOMESTIK

- 60** Sekretariat Perdagangan Pengedaran dan Industri Perkhidmatan (SPIP)
- 65** Bahagian Pembangunan Perniagaan (BPP)
- 76** Bahagian Pembangunan Jualan Langsung (BPJL)
- 79** Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
- 84** Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO)

DAYA UPAYA DAN ADVOKASI KEPENGGUNAAN

- 92** Bahagian Gerakan Kepenggunaan (BGK)
- 95** Bahagian Standard Kepenggunaan (BSK)
- 97** Bahagian Penyelidikan dan Dasar Kepenggunaan (BPDK)
- 101** Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM)
- 103** Tribunal Rayuan Persaingan (TRP)

NATIONAL ACTION COUNCIL ON COST OF LIVING - PENDEKATAN WHOLE OF NATION

- 106** Sekretariat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL)
- 110** Bahagian Subsidi dan Bekalan (BSB)
- 113** Bahagian Kawal Selia dan Petroleum (Seksyen Pembangunan Petroleum) (BKSP)
- 122** Bahagian Harga Barangan Negara (BHBN)

128 SOROTAN LENSE 2024

132 SIDANG EDITORIAL



PERUTUSAN MENTERI



Assalamualaikum W.B.T dan Salam Malaysia MADANI.

Alhamdulillah, tiada ungkap selain syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita dapat bersama-sama menyaksikan keberhasilan dan merasai limpahan manfaat pencapaian yang diraih oleh kerajaan Malaysia MADANI sepanjang tahun 2024. Sebagai sebuah kementerian yang bertanggungjawab dalam memastikan perdagangan dalam negeri yang mampan, meningkatkan pendayaupayaan pengguna dan mendepani cabaran kos sara hidup, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah memberikan komitmen yang tinggi dalam melaksanakan fungsian yang telah diamanahkan bersandarkan kepada kerangka besar agenda Malaysia MADANI dan Kerangka Ekonomi MADANI.

Berkat kesungguhan dan kerjasama erat warga kerja KPDN, pelbagai inisiatif dan program yang dirancang bagi tahun 2024 telah berjaya dilaksanakan dan memberikan manfaat langsung kepada rakyat. Pencapaian-pencapaian yang terkandung dalam buku tahunan ini menjadi bukti kebersamaan pelbagai pemegang taruh sebagaimana yang selalu saya sebutkan sebagai K.I.T.A - (K) Agensi Kerajaan, (I) Pemain Industri, (T) Pematuhan Tatakelola, dan (A) Partisipasi Awam dalam merealisasikan fokus keutamaan KPDN.

Jika disoroti kembali, daripada sekian banyak pencapaian kita pada tahun 2024, beberapa kejayaan utama KPDN yang ingin saya ketengahkan bermula dari aspek ketangkasan penguatkuasaan. Melalui pelaksanaan OPS Tiris 3.0 sebanyak 43,444 pemeriksaan menghasilkan 2,738 kes dengan lebih RM91 juta nilai rampasan keseluruhan. Manakala OPS Kesan 2.0, sebanyak 3,765 notis dengan 80,390 premis diperiksa bagi mengekang tindakan mencatut oleh peniaga yang cuba mengambil kesempatan menaikkan harga barangan.

Pada masa yang sama, dalam memerangi perusahaan yang terlibat dengan perlakuan kartel dan monopoli bermasalah, KPDN bergerak aktif melalui Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) dengan 99 syarikat telah dikenakan tindakan. Selain itu,

MyCC juga telah melaksanakan beberapa kajian melibatkan Kajian Industri Padi dan Beras, Kajian Menyemak Dakwaan Kartel Dalam Pasaran Makanan Berimport dan Kajian Impak Penguatkuasaan MyCC di bawah Akta Persaingan 2010.

Dalam aspek pemacu ekonomi domestik, sektor perdagangan runcit telah mencatatkan nilai jualan bermula Januari hingga November 2024 sebanyak RM1.614 trilion, peningkatan sebanyak 5.3% berbanding tempoh yang sama pada tahun 2023. Selain itu, sektor industri jualan langsung pula telah mencatatkan nilai jualan bagi tahun berakhir 2023 sebanyak RM34.4 bilion, iaitu peningkatan 7.4% berbanding RM32.04 bilion rekod sebelumnya. Agensi Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) turut memperlihat perkembangan positif dengan 51,591 pendaftaran harta intelek telah didaftarkan bersamaan peningkatan 14.4% berbanding tahun 2023. Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) juga berjaya melaksanakan beberapa pindaan perundangan melibatkan Akta Syarikat dan Akta Perkongsian Liabiliti terhad.

Dalam konteks mendepani cabaran kos sara hidup, pemberian subsidi bersasar memainkan peranan penting dalam memastikan bantuan sampai kepada golongan yang benar-benar memerlukan. Sebagai contoh, keberhasilan Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) yang dilaksanakan oleh KPDN dalam mengawal peningkatan harga barangan di pasaran. Melalui SKDS, setakat 31 Disember 2024, sebanyak 110,533 Fleet Card diesel bersubsidi diberikan kepada syarikat pengangkutan darat barangan dan pengangkutan darat awam melibatkan 301,399 kenderaan yang layak.

Program Jualan RAHMAH MADANI (PJRM) sememangnya menjadi limpahan rahmat meringankan beban kewangan rakyat dalam membeli barangan keperluan harian. Tahun 2024 sahaja sebanyak 12,260 siri PJRM telah diadakan dengan jumlah kehadiran pengunjung mencatatkan seramai 12.5 juta orang. Kaedah PJRM juga telah ditambahbaik melalui pelaksanaan PJRM Musim Perayaan, PJRM@Pasar dan PJRM@Kampus.

Alhamdulillah, melihat kepada sambutan menggalakkan dan manfaat yang diperolehi daripada program ini, sebanyak RM300 juta diperuntukkan dalam Belanjawan 2025 untuk pelaksanaan Program Payung RAHMAH MADANI, peningkatan 100 juta berbanding peruntukan tahun 2024.

Walaupun, pelbagai kejayaan yang telah kita capai bagi tahun 2024, masih terdapat ruang penambahbaikan dan semestinya lebih banyak cabaran baharu yang mendatang di tahun 2025. Justeru, adalah menjadi komitmen kita sentiasa bersiap siaga dengan strategi dan pendekatan yang bertepatan dengan kehendak semasa dalam membantu mensejahterakan ekonomi rakyat dan negara.

Dalam kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan syabas kepada seluruh warga kerja KPDN atas kejayaan-kejayaan yang telah kita capai sepanjang tahun 2024. Segala pencapaian ini mempunyai nilai dan makna, hasil daripada kerjasama serta komitmen tinggi yang ditunjukkan oleh setiap anggota Kementerian. Semoga penerbitan Laporan Tahunan KPDN 2024 dapat menjadi panduan yang berterusan untuk meningkatkan lagi penyampaian kualiti perkhidmatan yang kita berikan kepada rakyat.

Adalah penting untuk kita memastikan agenda dan inisiatif yang dilaksanakan oleh kerajaan bukan sahaja dapat didengari, tetapi juga dilihat dan dirasakan oleh rakyat.

YB Datuk Armizan Mohd Ali

Menteri Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup





PERUTUSAN KETUA SETIAUSAHA



Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi dengan limpah izin-Nya, Buku Laporan Tahunan 2024 KPDN berjaya diterbitkan sebagai naskhah rujukan kepada semua inisiatif yang telah dilaksanakan Kementerian sepanjang tahun.

Saya ingin melahirkan penghargaan buat semua warga kerja Kementerian atas segala pencapaian yang telah kita sama-sama lakar sepanjang tahun 2024.

Pada hemat saya, inisiatif dan program yang telah dilaksanakan Kementerian mempunyai impak tinggi kepada rakyat Malaysia MADANI serta memberi kesan berganda kepada pemegang taruh Kementerian khususnya rakyat dan negara. Ia merupakan hasrat dan iltizam KPDN bagi memastikan matlamat dan kefungisian Kementerian tercapai dengan semaksima mungkin.

Sebagai contoh, melalui Karnival KPDN ini kita berjaya melakar sejarah atas kejayaan tersenarai dalam *Malaysia Book of Records* sebagai 'Longest Non-Stop Government Community Sales' iaitu pelaksanaan selama 40 jam tanpa henti Program Jualan RAHMAH MADANI (PJRM) dan juga Menu RAHMAH.

KPDN sentiasa mengorak langkah dengan proaktif bagi memberi tumpuan kepada perkara-perkara yang dekat di hati rakyat seperti aspek kepenggunaan, kenaikan harga barang, kos sara hidup dan ketangkasan penguatkuasaan melalui program-program yang selari dengan objektif Kementerian.

Saya berharap semua warga kerja KPDN, termasuk agensi-agensi dapat berusaha dengan lebih komited dan cemerlang dalam mengharungi tugas dan peranan masing-masing yang diamanahkan untuk tahun-tahun yang mendatang. KPDN KITA!


YBhg. Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar

Ketua Setiausaha
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup





MDN



Maklumat Korporat


Visi


KPDN sedang mengorak langkah ke arah menjadi Kementerian Premier Negara berpandukan oleh visinya iaitu:

**Perdagangan dalam negeri yang progresif, mampan;
Pendayaupayaan pengguna; dan
Kos sara hidup yang stabil**

Terdapat 4 **Misi** Kementerian iaitu:

**Mengukuhkan perdagangan dalam negeri melalui penciptaan nilai dan pendigitalan;
Membudayakan pengguna yang rasional bagi meningkatkan kualiti hidup;
Memastikan kebolehcapaian bekalan barang pada harga yang berpatutan; dan
Memperkukuh tadbir urus dan mengadaptasi teknologi ke arah organisasi cemerlang.**





Moto Perdagangan Sihat Pengguna Berkat

Nilai Teras Kementerian

BEKERJASAMA
AMANA
KOMITED
ADIL


5 Teras Strategik KPDN


- ✓ Meningkatkan sumbangan Perdagangan Dalam Negeri kepada Pendapatan Negara Kasar
- ✓ Mewujudkan masyarakat pengguna yang berdaya upaya dan amalan perniagaan yang beretika
- ✓ Memupuk ekonomi berteraskan inovasi melalui sistem dan perundangan yang efektif
- ✓ Mewujudkan persekitaran pasaran yang kondusif untuk pengguna dalam menghadapi kenaikan kos sara hidup
- ✓ Meningkatkan kecemerlangan organisasi

CARTA ORGANISASI KPDN



MAKlumat KorpOrat









Anggota Pentadbiran

Peneraju Kementerian
Pengurusan Tertinggi
Pengarah Bahagian
Pengarah Negeri

PENERAJU KEMENTERIAN

**YB Datuk Armizan
Mohd Ali**

Menteri Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup

**YB Senator Dr. Hajah
Fuziah binti Salleh**

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup



PENGURUSAN TERTINGGI


YB Datuk Armizan Mohd Ali
Menteri

YB Senator Dr. Hajah Fuziah binti Salleh
Timbalan Menteri

YBhg. Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar
Ketua Setiausaha

YBhg. Datuk Roziah binti Abudin
Timbalan Ketua Setiausaha
(Pembangunan Perdagangan
Dalam Negeri)

**YBhg. Dato' Haji Amran bin
Haji Ahmad**
Timbalan Ketua Setiausaha
(Pendayaupayaan Pengguna
dan Pengurusan)



PENGARAH BAHAGIAN

Mohd Zaid bin Idris
Bahagian Gerakan
Kepenggunaan

Dato' Dr. Stanley Tan
Pengarah Kanan
Sektor Barang Kawalan dan
Subsidi

**Mohammad Sanusi bin Abdul
Karim**
Pengarah Kanan
Sektor Hal Ehwal Kos Sara
Hidup dan Penyelidikan



Teoh Phi Li
Bahagian Analisis Ekonomi
dan Data Strategik

Mohd Yusri bin Yusof
Bahagian Subsidi Dan Bekalan

Eba Juiata binti Taib
Bahagian Akaun

Datuk Azman bin Adam
Ketua Pengarah
Bahagian Penguat Kuasa

Zarinah binti Mat Jailaini
Tribunal Tuntutan Pengguna
Malaysia

Dato' Rohaizi bin Bahari
Pengarah Kanan
Sektor Perdagangan Pengedaran
dan Perniagaan

Ramli bin Ismail
Unit Integriti

Adiratno bin Che Ani
Bahagian Pembangunan
Perniagaan



Allauddin bin Mohd Tahir
Bahagian Undang-Undang

Rafidah binti Datu Derin
Bahagian Dasar Perancangan
Strategik dan Antarabangsa

Selvi A/P Shanmugam
Bahagian Harga
Barangan Negara

PENGARAH BAHAGIAN

Illiana binti Ismail
Bahagian Audit
Dalam

Jaafar bin Jantan
Unit Komunikasi
Korporat

Muhd Fairuz bin Abdul Halim
Bahagian Pembangunan
Jualan Langsung

Muhamad Hanif bin Asa'ari
Sekretariat Perdagangan
Pengedaran Perniagaan Dan
Industri Perkhidmatan



Afdal Izal bin Md. Hashim
Bahagian Kawal Selia
Petroleum

Faraismawati binti Osaman
Majlis Tindakan Sara Hidup
Negara

Julia binti Jaladdin
Bahagian Pengurusan
Sumber Manusia

**Muhamad Zikril Azan
bin Abdullah**
Bahagian Penyelidikan
dan Dasar Kepenggunaan

KETUA AGENSI

Shamsol Zakri bin Zakaria
Tribunal Rayuan
Persaingan

Muhammad Faris bin Idrus
Bahagian Pengurusan
Maklumat

Kamal bin Kormin
Ketua Pengarah
Perbadanan Harta Intelek Malaysia

Iskandar bin Ismail
Ketua Pegawai Eksekutif
Suruhanjaya Persaingan Malaysia



Atan bin Sapien
Bahagian Standard
Kepenggunaan

Noor Rashida binti Abdul Rashid
Bahagian Khidmat
Pengurusan dan Kewangan

Datuk Nor Azimah binti Abdul Aziz
Ketua Pegawai Eksekutif
Suruhanjaya Syarikat Malaysia

PENGARAH NEGERI

Junaidah binti Arbain
Labuan

**Muhammad Nizam bin
Jamaludin**
Kedah

Mohd Sabri bin Seman
Kuala Lumpur

Shahril Nizam bin Shahidin
Sabah

Norena binti Jaafar
Melaka

Azman bin Ismail
Kelantan

Matthew Anak Dominic Barin
Sarawak

Mohd Zuhairi bin Mat Radey
Selangor



Dato' Kamalludin bin Ismail
Perak

Lilis Saslinda binti Pornomo
Johor

Muhammad Zahir bin Mazlan
Negeri Sembilan

Rohaida binti Hassan
Perlis




Jegan A/L R. Subramaniam
Pulau Pinang

Jezlily binti Jamaluddin
Pahang

Saharuddin bin Mohd Kia
Terengganu





Pencapaian KPDN 2024

K - Ketangkasan Penguatkuasaan

P - Pemacu Ekonomi Domestik

D - Daya Upaya dan Advokasi Kepenggunaan

N - *National Action Council on Cost of Living* - Pendekatan *Whole of Nation*

Ketangkasan Penguatkuasaan

Pemacu Ekonomi Domestik

Kita Gempur

99 wakil rakan strategik KPDN



30

transporter



29

pengusaha
stesen
minyak



7

syarikat
pembungkus
minyak
masak



12

wakil
pengguna
setempat



21

pemborong
dan peruncit
utama

OPS TIRIS 3.0



17,714

pemeriksaan
premis diesel



25,730

pemeriksaan
lain-lain
komoditi



RM91.6

juta
nilai
rampasan
keseluruhan



621

bilangan
tangkap



2,738

kes

OPS KESAN 2.0



80,390

pemeriksaan premis



3,765

notis dikeluarkan

Membanteras Kartel dan Monopoli



RM446 ribu
penalti
kewangan

ke atas 7 syarikat
(Sejak penubuhan MyCC pada 2014,
RM570.5 juta penalti dikenakan ke
atas 107 syarikat)

Serah Simpan Maklumat Pemunya Beneficial (BO)



87%
pematuhan

sejak

penguatkuasaan Akta Syarikat
(pindaan) 2024 bermula 1 April
2024

Biz Berkat



100%
pematuhan

hasil advokasi
bersama 3,296 premis runcit

Perjawatan Penguatkuasaan KPDN



95.03% pengisian
perjawatan

Penguatkuasa KPDN
daripada jumlah keseluruhan
2,575 perjawatan

Karnival KPDN



Penganjuran 6 karnival KPDN

Zon Utara (Perlis), Zon Tengah (Perak), Zon Timur
(Kelantan), Zon Selatan (Melaka), Sabah & Sarawak

RM6,739,657.08 nilai jualan

276,185 pengunjung

Program Local to Global Retail



275 SKU tempatan berjaya menembusi

pasaran peruncitan antarabangsa di 3 negara iaitu

United Arab Emirates (pasar raya LuLu), Thailand
(ASEAN Mall) dan Jepun (AEON)

(241 produk makanan & minuman, 14 produk kelengkapan rumah
& 20 produk kecantikan & kesihatan)

Harta Intelek



Harta Industri

51,591 pendaftaran

(Cap Dagangan: 43,167, Paten: 6,158, Reka Bentuk
Perindustrian: 2,257 & Petunjuk Geografi : 9)



Hak Cipta 2024

9,363

pemberitahuan
sukarela



Peluncuran Portal
IPR Marketplace 2.0

60 penyertaan

212 harta intelek

dimuat naik dalam portal

4 Kerjasama Utama Antarabangsa



LoU antara
**MyIPO & World
Intellectual
Property
Organization
-WIPO**

(12 September 2024)



MoC antara
**MyIPO &
Agency for
Cultural Affairs
of Japan - ACA**

(28 Oktober 2024)



MoU antara
**MyIPO &
Intellectual
Property Office
of Singapore
- IOS**

(18 Disember 2024)



MoU antara
**MyCC &
Turkish
Competition
Authority -
TCA**

(11 September 2024)

Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS 2.0)



110,533 kelulusan Fleet Card

diesel bersubsidi kepada syarikat pengangkutan
darat barangan dan pengangkutan darat awam yang
melibatkan **301,399** kenderaan

Inisiatif Pendigitalan Sektor Peruncitan (ReDI)



4,560 peniaga berdaftar ReDI

(Jumlah Keseluruhan : 21,076)

D

Daya Pengguna dan Advokasi Kepenggunaan

Gerakan Kepenggunaan



7,993 orang
pertambahan
**Hero
Pengguna**

(Jumlah Keseluruhan 23,931 orang)



134 Aku Janji
**Kempen KITA
G.E.M.P.U.R**

Majlis Perwakilan Gerakan
Pengguna Siswa (MPGPS)



Status Aduan
97.54% Peratus Penyelesaian Aduan

(46,088 daripada 47,249 aduan & 1,161 dalam siasatan)



Harga
12,451



Transaksi
dalam Talian
10,488



Perkhidmatan
Mengelirukan
7,773



Lain-lain
16,537

Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia



8,823
Pemfailan



RM84,079,868.12
Jumlah Tuntutan



RM24,391,596.83
Jumlah Award

Strategi Interim ke Arah Perundangan Lemon Law



Kajian Perundangan Berkaitan **Lemon Law** di Malaysia



Penubuhan Pasukan Rundingan Khas Berkaitan Aduan Kenderaan Bermotor



Kerjasama dengan Bank Negara Malaysia berhubung Consent Letter dari Institusi Perbankan/Kewangan

Aplikasi Pricecatcher



2 MoU Perkongsian Data Harga
bersama pasar raya MYDIN dan Redtick pada
13 November 2024

N

National Action Council on Cost of Living (NACCOL)

NACCOL - Pendekatan Whole of Nation



23 Ogos 2024

Pelancaran Portal IHSAN MADANI dan diakses melalui laman web www.ihsanmadani.gov.my



2 November 2024

Pelancaran **INDEKS KOS SARA HIDUP**



Kajian Penstabilan Harga

Sabah, Sarawak dan W.P. Labuan

Inisiatif Payung Rahmah MADANI



Program Jualan
**RAHMAH
MADANI (PJRM)**

12.5 juta pengunjung
12,260 lokasi seluruh negara



Program Menu
RAHMAH (PMR)
2,063

Penyertaan Pengusaha

Medan Selera/gerai : 800

Restoran/Kafe : 930

Restoran Perkhidmatan Segera : 297

Penaja/Food Truck : 36



Inisiatif Bakul
**RAHMAH
104,629**

unit telah diagihkan



Bazar Ramadhan RAHMAH
60 Bilangan

Bazar Ramadhan RAHMAH

Ketersediaan Barang Kawalan/Barang Kawalan Bersubsidi



Pengedaran
60,000 tan
métrik/sebulan
minyak masak
bersubsidi ke seluruh negara



Pengedaran
bekalan
42,000 tan
métrik/sebulan
gula putih bertapis ke seluruh negara

Kesiapsiagaan KPDN Menghadapi Musim Tengkujuh



Pelantikan 1,369 DDR iaitu **Peruncit Terpilih Daerah (Dedicated District Retailer)** dan **635 DDW** iaitu **Pemborong Terpilih Daerah (Dedicated District Wholesaler)** bagi setiap daerah di seluruh negara

Program Pengedaran Barang Perlu



854 kawasan
pengedaran
& **1.167 juta**
penerima
manfaat

Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP)



6 Pelaksanaan SHMMP

- SHMMP Tahun Baru Cina
- SHMMP Hari Raya Puasa
- SHMMP Pesta Kaamatan
- SHMMP Hari Gawai
- SHMMP Deepavali
- SHMMP Krismas





Kecemerlangan Organisasi

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM)
Bahagian Khidmat Pengurusan dan Kewangan (BKPK)
Bahagian Akaun (BA)
Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM)
Bahagian Audit Dalam (BAD)
Bahagian Dasar, Perancangan Strategik dan Antarabangsa (BDPSA)
Bahagian Analisis Ekonomi dan Data Strategik (BAED)
Unit Komunikasi Korporat (UKK)
Unit Integriti (UI)

BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA (BPSM)

Secara keseluruhannya seramai 450 penerima anugerah perkhidmatan cemerlang yang telah diputuskan oleh Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) pada 19 Januari 2024.



271

penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang



73

penerima Sijil Perkhidmatan Cemerlang (SPC)

66

penerima SSM

35

penerima MyIPO

5

penerima MyCC

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2023



Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2023 telah berlangsung pada 29 Februari 2024 (Khamis) bertempat di Dewan De' Seri Endon Puspanitapuri, Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Majlis APC 2023 ini telah disempurnakan oleh YB Datuk Armizan Mohd Ali, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup sebagai penghargaan kepada pegawai perkhidmatan awam yang telah memberikan perkhidmatan yang cemerlang sepanjang tahun.




Majlis Persaraan “Sanjungan Budi, Kilauan Bakti” KPDN

Majlis Persaraan “Sanjungan Budi, Kilauan Bakti” KPDN Tahun 2024 telah diadakan pada 22 Ogos 2024 (Khamis) bertempat di Dewan Serbaguna KPDN, Wilayah Persekutuan Putrajaya bertujuan sebagai apresiasi khas bagi mengiktiraf jasa dan sumbangan 45 orang warga KPDN yang telah bersara pada Tahun 2024.



“Sanjungan Budi,
Kilauan Bakti”
apresiasi khas

45 orang pesara
warga KPDN



PELAKSANAAN SISTEM SARAAH PERKHIDMATAN AWAM (SSPA)

Secara keseluruhannya seramai **3,346 orang pegawai di KPND telah bersetuju menerima SSPA**. Berdasarkan kepada jumlah pegawai tersebut, sebanyak 2,238 pegawai adalah daripada Skim Perkhidmatan Bukan Gunasama manakala 1,108 pegawai adalah daripada Skim Perkhidmatan Gunasama.



Berkuat kuasa mulai 1 Disember 2024, Kerajaan telah melaksanakan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) bagi menggantikan Sistem Saraan Malaysia (SSM). Bagi memastikan pelaksanaannya berjalan lancar, BPSM dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) telah menganjurkan Sesi Libat Urus (SLU) Pekeliling Perkhidmatan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) bersama dengan warga KPND pada 26 September 2024.

SLU ini bertujuan untuk memberikan penerangan mengenai perkara-perkara yang terkandung di dalam dokumen Pekeliling Perkhidmatan SSPA termasuk pelaksanaan inisiatif-inisiatif bagi sistem saraan baharu dalam perkhidmatan awam yang merangkumi aspek pembangunan organisasi, kemampunan saraan dan pengurusan bakat.



BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN DAN KEWANGAN (BKPK)

PRESTASI PERBELANJAAN MENGURUS KEMENTERIAN TAHUN 2024

Prestasi Perbelanjaan Mengurus Mengikut Jenis Dasar Tahun 2024

Jenis Dasar	Peruntukan Dipinda 2024 (RM)	Perbelanjaan 2024 (RM)	Peratus Perbelanjaan (%)
Dasar Sedia Ada	455,818,531.00	448,848,577.28	98.47
Dasar <i>One Off</i>	8,380,100.00	12,075,520.29	144.10
Program Khusus	1,331,017,669.00	2,416,639,116.57	181.56
Agensi	17,000,000.00	17,000,000.00	100.00
Jumlah Keseluruhan	1,812,216,300.00	2,889,563,214.14	159.73

KPDN telah diluluskan sebanyak **RM65,011,000.00** bagi peruntukan perbelanjaan pembangunan pada tahun 2024 meliputi **11 projek/program pembangunan**. Secara keseluruhan, prestasi perbelanjaan pembangunan KPDN pada tahun 2024 ialah sebanyak 99.78%.

KPDN juga telah menerima **Anugerah Pembangunan Negara Tahun 2024 bagi Prestasi Pembangunan Terbaik Peruntukan di Bawah RM1 Bilion** pada 12 November 2024. Anugerah ini adalah untuk memberi pengiktirafan kepada Kementerian yang menunjukkan prestasi cemerlang dalam tiga (3) aspek iaitu perbelanjaan peruntukan pembangunan dan kemajuan fizikal projek serta pengemaskinian MyProjek, pengurusan pematuan *Industrialised Building System* (IBS) dan Penilaian *Outcome* program/projek.



Jumlah Keseluruhan Perbelanjaan Mengurus Tahun 2024



Prestasi perbelanjaan sehingga

31 Disember 2024

RM2,889,563,214.14
(159.73%)

Justifikasi Perbelanjaan Melebihi Peruntukan:

Prestasi melebihi peruntukan ini adalah selepas mengambil kira **kelulusan Surat Kuasa Berbelanja Melebihi Peruntukan (SKB)** yang berjumlah **RM1.1 bilion** bagi Program Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (COSS).

BUTIRAN PROJEK/PROGRAM PEMBANGUNAN TAHUN 2024

Bil	Nama Program/Projek	Peratus Perbelanjaan
1.	PPP/PFI Blok 2G3 (KPDNHEP)	99.99%
2.	Penaiktarafan dan Peluasan <i>Integrated Enforcement & Management System</i> (IEMS)	99.93%
3.	Penaiktarafan Sistem Tribunal Tuntutan Pengguna (e-Tribunal)	99.42%
4.	Pemantapan dan Pengukuhan Keselamatan ICT KPDNHEP	99.94%
5.	Menambahbaik <i>Cyber Enforcement Security Centre</i> (CESC)	99.46%
6.	Kajian Pembangunan Model Baharu Program Pemantauan Harga dan Keperluan Sumber Manusia Bagi Program Pengedaran Barang Perlu, LPG dan <i>Community Drumming</i>	97.48%
7.	Kajian Semula Perundangan e-Dagang	99.66%
8.	Projek Pembangunan Kompleks Penyimpanan Ekshibit, Wilayah Tengah KPDN Selangor Di Lot 30343, Mukim Petaling, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	86.41%
9.	Pembangunan Sistem Pencegahan Kebakaran Di Kompleks Penyimpanan Ekshibit Bahagian Penguatkuasaan KPDN Di Nilai, Negeri Sembilan	0%
10.	Kajian Pasaran Ekosistem Ekonomi Digital Di Bawah Akta Persaingan 2010	100%
11.	Dana IP 2.0	100%

PROGRAM UTAMA DAN PENCAPAIAN BKPK TAHUN 2024

- Inspektorat Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan Tahun 2024 KPDN** telah berjaya mengekalkan Pencapaian “**Cemerlang**” dengan **5 Bintang**.
- BKPK selaku urus setia **Program MADANI Rakyat 2024 Sayangi Sabah** yang telah diadakan di Perkarangan Kompleks Sukan Likas, Kota Kinabalu, Sabah pada 18 hingga 20 Oktober 2024 telah berjaya menarik seramai **485,474 pengunjung** iaitu pencapaian tertinggi dalam siri PMR 2024 anjuran KPDN.
- Pertandingan Keceriaan Jiwa Merdeka Peringkat KPDN** Sempena Sambutan Bulan Kebangsaan 2024 anjuran Kementerian Komunikasi dan Digital telah disertai oleh KPDN dan berjaya mendapat “**Pengiktirafan Penilaian Penarafan 4 Bintang**”.
- Program Jerayawara Putrajaya Sihat Sejahtera dan Sambutan Bulan Malaysia Sihat Sejahtera** bagi Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) peringkat KPDN telah diadakan dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada 26 hingga 27 September 2024. Antara pengisian program ialah saringan kesihatan, pemeriksaan gigi, aktiviti interaktif *Wellness on Wheel*, senam-robik serta pameran berkaitan kesihatan dengan penyertaan seramai **375 peserta** warga KPDN.
- Hari Inovasi KPDN** telah dilaksanakan pada 25 hingga 26 November 2024 dan berjaya menghimpunkan sebanyak lapan (8) projek inovasi dari warga KPDN dan agensi. Majlis Penyampaian Sijil dan Hadiah kepada pemenang telah disempurnakan oleh YBhg. Dato’ Seri Mohd Sayuthi bin Bakar, Ketua Setiausaha, KPDN pada 26 November 2024.

6. Jumlah **rekod rasmi** yang telah **ditawan dalam DDMS 2.0 sebanyak 18,406 unit** dan jumlah **fail yang dilupuskan** sebanyak **300.436** (meter panjang).
7. **Naik taraf Perpustakaan KPDN** daripada akses maklumat dan koleksi bahan secara konvensional kepada akses digital atau atas talian melalui penggunaan **Sistem Repositori Digital KPDN dan Sistem Perpustakaan Bersepadu**.

Pada tahun 2024 BKPK meneruskan usaha melaksanakan perkhidmatan yang profesional dan bertindak sebagai nadi penggerak serta khidmat sokongan dalam mencapai objektif Kementerian. Melalui enam (6) Seksyen utamanya yang terdiri daripada Seksyen Pentadbiran Am, Seksyen Perancangan Belajawan, Seksyen Kewangan, Seksyen Perolehan, Seksyen Pembangunan dan Seksyen Fasiliti, Keselamatan Aset dan Stor telah berjaya melaksanakan sebanyak **17 program, 15 kursus, 47 naziran dan audit, 27 projek serta 75 mesyuarat utama**.

Jumlah Program dan Aktiviti BKPK bagi Tahun 2024

 **17**
Program

 **15**
Kursus & Bengkel

 **47**
Naziran dan Audit

 **27**
Projek Pengubahsuaian dan Naik Taraf

 **75**
Mesyuarat Utama

GAMBAR-GAMBAR PROGRAM DAN AKTIVITI BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN DAN KEWANGAN (BKPK) BAGI TAHUN 2024



Program Langkah Ceria@KPDN Sempena Sambutan Hari Sukan Negara 2024



Saringan Kesihatan Sempena Program Jerayawara Putrajaya Sihat Sejahtera dan Sambutan Bulan Malaysia Sihat Sejahtera



KPDN telah menerima Anugerah Prestasi Pembangunan Terbaik (Peruntukan di bawah RM1 Billion Tahun 2024)



Pertandingan Keceriaan Jiwa Merdeka Antara Kementerian Sempena Bulan Kebangsaan 2024



Majlis Pelancaran Program Jiwa Merdeka Sempena Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2024 oleh YBhg. Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar, Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup diiringi oleh YBrs. Pn. Noor Rashida Binti Abdul Rashid, Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan dan Kewangan.



Perbarisan Penguatkuasa KPDN Sempena Sambutan Hari Kemerdekaan



Kursus Pengurusan Akaun Belum Terima dan Pengurusan Panjar Wang Runcit Zon Sabah dan Sarawak pada 18 hingga 20 Julai 2024 di Hotel Pullman, Miri, Sarawak



Majlis Penyerahan Anugerah Inovasi KPDN oleh YBhg. Dato' Seri Sayuthi bin Bakar, Ketua Setiausaha KPDN diiringi oleh YBhg. Datuk Roziah Binti Abudin, Timbalan Ketua Setiausaha (Perdagangan Dalam Negeri) Sempena Sambutan Hari Inovasi KPDN pada 26 November 2024



Program MADANI Rakyat Sayangi Sabah tawar pelbagai tarikan

Kuala Lumpur: Program MADANI Rakyat Sayangi Sabah tawar pelbagai tarikan kepada rakyat Sabah. Program ini bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat Sabah melalui pelbagai aktiviti dan projek pembangunan. Program MADANI Rakyat Sayangi Sabah tawar pelbagai tarikan kepada rakyat Sabah. Program ini bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat Sabah melalui pelbagai aktiviti dan projek pembangunan.



Program MADANI Rakyat 2024 Sayangi Sabah

YB Datuk Armizan Mohd Ali, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup meluangkan masa turun padang bersama-sama warga KPDN untuk menyertai Program 10 Ribu Langkah Ceria Merdeka @ KPDN di sekitar Putrajaya

BAHAGIAN AKAUN (BA)

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN DARI JANUARI 2024 HINGGA DISEMBER 2024

Prestasi Pembayaran Bil dan Tuntutan

Memproses bayaran di iGFMAS

Memproses semua bil dan tuntutan dalam tempoh 14 hari dari tarikh dokumen lengkap diterima bersama dokumen sokongan.

Laporan Prestasi Proses Pembayaran Bil/Invois Sempurna

Bil. Hari	Bil/Invois	RM	Peratus
7 Hari	75,975	2,863,970,502	98.46%
8 hingga 14 hari	1,180	19,832,253	1.53%
Lebih 14 hari	5	6,060	0.01%
Jumlah	77,160	2,883,808,815	100%




Sepanjang tahun
2024, sebanyak

77,160

bil dan tuntutan
telah diproses dan telah
berjaya mencapai

99.46%

pembayaran
dalam tempoh 14 hari dari
tarikh dokumen lengkap
diterima.



BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT (BPM)

PROGRAM KESEDARAN KESELAMATAN SIBER KPDN

Program Kesedaran Keselamatan Siber KPDN diadakan bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran asas warga kementerian dalam menangani risiko keselamatan yang semakin berleluasa serta memupuk amalan terbaik dalam penggunaan teknologi maklumat yang lebih selamat dan bertanggungjawab.

Objektif utama program ini adalah untuk :

1. Memberi pendedahan kepada warga kementerian mengenai ancaman dan pengurusan insiden keselamatan ICT;
2. Meningkatkan kesedaran warga kementerian mengenai tanggungjawab untuk melindungi maklumat Kementerian daripada kebarangkalian terdedah kepada pihak yang tidak sepatutnya; dan
3. Mendidik warga kementerian supaya lebih cakna dan membudayakan keselamatan ICT.

Beberapa aktiviti telah dijalankan sepanjang tahun 2024 dengan tujuan untuk mengurangkan risiko ancaman siber serta meningkatkan tahap keselamatan ICT dalam kalangan pengguna termasuk:

- Program Kesedaran Keselamatan ICT
- Bengkel Pengurusan Keselamatan ICT
- Taklimat Akta Keselamatan Siber



KELOMPOK	PROGRAM KEBERADAAN KESELAMATAN IKT ZON UTARA	SEMINAR KEBERADAAN KESELAMATAN IKT BL/2024	MAHACIT KPM 2024	PROGRAM KEBERADAAN KESELAMATAN IKT ZON SELATAN	SEMINAR KEBERADAAN KESELAMATAN IKT BL/2024	BINGKAI PENGURUSAN KEBERADAAN IKT	TAKWID AKTA KESELAMATAN 1989
KUMPULAN SASARAN	100 orang pegawai dan kakitangan KPNB daripada pelbagai latar belakang, grad dan jantina						
PENCUBATAN	KPNB Negeri Perlis, Kedah dan Pulau Pinang	KPNB Ibu Pejabat, Negeri Sembilan, Kelantan, Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan	KPNB Ibu Pejabat, Negeri Sembilan, Kelantan, Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan	KPNB Negeri Sembilan, Melaka dan Johor	KPNB Ibu Pejabat, Negeri Sembilan, Kelantan, Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan	Pegawai If Ibu Pejabat dan Negeri	KPNB Ibu Pejabat, Melaka, MYCC dan MYND
KEHADIRAN	100	179	185	300	105	35	100
TOPIK	Pertindungan Data Peribadi Pengendalian Bilik Trend Terkini Jangkaan Dalam Raster	Kawal Selenggara Data Peribadi AI : Colabon Kewaspadaan	Trust, Risk & Security Management dan AI Intelligent Connected Workforce	Kewaspadaan Email dan Media Sosial Memahami Tingkah Laku Malicious di Alam Siber	Alat kawalan keselamatan Siber Tooling Sandakan dan Sandakan	Pengurusan Kawal Selenggara dan Kewaspadaan ICI	AMIS 3.0

Hari ICT



Program Kesedaran Keselamatan ICT Zon Selatan



Program Kesedaran Keselamatan ICT Zon Utara



BAHAGIAN AUDIT DALAM (BAD)

Persidangan Juruaudit dalam Sektor Awam Tahun 2024

Persidangan ini membincangkan tentang pengauditan dana awam, pengurusan risiko dalam pengauditan serta penggunaan teknologi terkini yang dibentangkan oleh panel jemputan daripada kalangan juruaudit awam dan swasta. Semua tajuk yang dibincangkan bertujuan menambah pengetahuan juruaudit serta digunapakai dalam urusan kerja pengauditan.



BAHAGIAN DASAR, PERANCANGAN STRATEGIK DAN ANTARABANGSA (BDPSA)


Pemukiman Strategik (*Retreat*) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Tahun 2024

12 – 14 Januari 2024 (Jumaat - Ahad), AMES Hotel, Ayer Keroh, Melaka

Pemukiman Strategik ini bertujuan untuk mengenalpasti program dan inisiatif baharu bagi tahun 2024 supaya hala tuju kementerian adalah lebih komprehensif dan holistik selain diselaraskan dengan Fokus K.P.D.N. yang diperkenalkan oleh YB Menteri semasa Majlis Amanat Tahun Baharu 2024 KPDN pada 12 Januari 2024.

Sebahagian daripada program-program utama yang dikenal pasti telah diperhalusi dan dijadikan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Penjawat Pengurusan Tertinggi Perkhidmatan Awam (PPTPA) Kementerian Tier 1 - 4, serta dikemukakan sebagai inisiatif utama kementerian di bawah Kerangka Strategik Malaysia MADANI.

Pemukiman Strategik ini telah dihadiri oleh YB Menteri dan YB Timbalan Menteri, pihak Pengurusan Tertinggi KPDN termasuk YBhg. Dato' Seri KSU, YBhg. Datuk TKSU (PPDN) dan YBhg. Dato' TKSU (PPP), Ketua-ketua Agensi, Pengarah-pengarah Kanan, Pengarah-pengarah Bahagian, serta Pengarah-pengarah KPDN Negeri.



Program 2 Tahun Kerajaan MADANI (2TM) dan Konvensyen Nasional Reformasi Perkhidmatan Awam Tahun 2024

Pusat Konvensyen Kuala Lumpur

KPDN telah menjayakan reruai **showcase** sempena Program 2 Tahun Kerajaan MADANI (2TM) dan Konvensyen Nasional Reformasi Perkhidmatan Awam Tahun 2024 dari 22 hingga 24 November 2024 dengan menampilkan pencapaian KPDN sepanjang tahun 2024 serta menyediakan perkhidmatan dan advokasi yang amat berharga kepada pengunjung. Antara pengisian reruai ialah pendaftaran oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) serta khidmat nasihat pendaftaran harta intelek oleh Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO).

Selain itu, Bahagian Kawal Selia Petroleum (BKSP) dan KPDN WPKL melalui KITA GEMPUR memberikan advokasi terhadap kesalahan berkaitan ketirisan dan penyelewengan barang kawalan manakala Bahagian Harga Barang Negara (BHBN) mempromosikan aplikasi *PriceCatcher* dan Bahagian Gerakan Kepenggunaan (BGK) mengadakan pendaftaran Hero Pengguna. Turut menjadi pengisian reruai ialah Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) yang menyediakan perkhidmatan penfailan tuntutan secara atas talian dan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) memberikan advokasi tentang fungsi dan tanggungjawab mereka.



LAWATAN RASMI YBM KPDN KE LUAR NEGARA 2024

Selaras dengan fungsi dan bidang kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), lawatan kerja ini berjaya mencapai objektif yang disasarkan. Antara tumpuan lawatan kerja meliputi usaha mempergiat dan membuka lebih banyak peluang kepada produk tempatan menembusi pasaran antarabangsa dan meningkatkan kerjasama dalam bidang persaingan, harta intelek dan e-dagang.

Pertemuan Dua Hala bersama Prof. Dr. Omer Bolat, Menteri Perdagangan, Republik Turkiye

Pertemuan ini adalah bersempena dengan program pemeteraian MoU dalam bidang persaingan melibatkan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) di bawah KPDN dan *Turkish Competition Authority* (TCA) di bawah Kementerian Perdagangan Republik Turkiye.

Menteri Perdagangan Republik Turkiye turut menawarkan untuk memulakan perbincangan mengenai cadangan MoU berkaitan perlindungan pengguna bersama KPDN dalam masa terdekat bagi meningkatkan lagi usaha melindungi kepentingan pengguna di antara kedua-dua negara. Usaha ini adalah bagi menyokong Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia - Republik Turkiye (MTFTA) sedia ada yang telah ditandatangani pada 1 Ogos 2015 dan perluasan skop perjanjian yang telah dirundingkan pada tahun 2022 melalui penambahan Artikel 9 Perlindungan Pengguna Atas Talian (*Online Consumer Protection*).



Lawatan Kerja dan Pemeteraian Memorandum Persefahaman antara Suruhanjaya Persaingan Malaysia dan *Turkish Competition Authority* (TCA)

MoU ini membuka ruang kepada kerjasama yang lebih komprehensif untuk memperkukuhkan peranan MyCC dalam memperkasa penguatkuasaan perundangan persaingan, pembangunan kepakaran serta kapasiti untuk menangani kartel dan monopoli yang bermasalah.

Kerjasama ini amat signifikan bagi memperkukuh peranan MyCC dalam memastikan persaingan yang adil dan terbuka di Malaysia dan memberikan rakyat lebih banyak pilihan melalui persaingan yang sihat. MyCC telah menyiasat lebih daripada 100 syarikat berkaitan pelbagai kes pelanggaran antipersaingan seperti kartel dan monopoli bermasalah.



Lawatan Kerja dan Pertemuan dengan PYT Rebeca Grynspan, Setiausaha Agung *United Nations Conference on Trade and Development* (UNCTAD)

Lawatan kerja dan pertemuan dengan Setiausaha Agung UNCTAD adalah selaras dengan fungsi KPDN sebagai kementerian yang mengawal selia industri e-dagang. Ini bertepatan dengan tindakan KPDN yang sedang melaksanakan kajian semula perundangan e-dagang bagi mengemas kini perundangan sedia ada seperti Akta Perdagangan Elektronik 2006, Akta Perlindungan Pengguna 1999 dan Peraturan-Peraturan Perlindungan Pengguna (Urusniaga Perdagangan Elektronik).

Dalam hal ini, UNCTAD menyambut baik cadangan KPDN agar pihaknya membantu dalam aspek kepakaran dan amalan terbaik di peringkat antarabangsa bagi membantu kajian perundangan e-dagang dengan lebih berkesan. Ini juga selari dengan tumpuan UNCTAD dalam membantu negara-negara membangun mendapat manfaat melalui pengintegrasian kepada sistem perdagangan antarabangsa, meningkatkan akses kepada teknologi digital dan sekali gus melindungi pengguna daripada eksploitasi.



BAHAGIAN ANALISIS EKONOMI DAN DATA STRATEGIK (BAED)

Program Pensijilan Profesional Analitik Data Tahun 2024 (KPDN-UKMSHAPE)

2 Mei 2024 hingga 23 Julai 2024, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Program di bawah kendalian **Pusat Pembentukan Pendidikan Lanjutan dan Profesional, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKMSHAPE)** ini merupakan kerjasama antara Bahagian Analisis Ekonomi dan Data Strategik (BAED) bersama pihak UKMSHAPE di mana pembentukan modul dilaksanakan khusus untuk warga KPDN secara *in-house* dengan kelolaan tenaga pengajar yang pakar dan berpengalaman dari Institut Informatik Visual (IVI), Universiti Kebangsaan Malaysia.

Para peserta yang terpilih akan mengikuti kelas pembelajaran sebanyak 4 modul/silibus latihan dan akhirnya akan ditauliahkan **Sijil Profesional Analitik Data** oleh SENAT UKM. **Majlis Pentauliahkan** telah disempurnakan oleh **YBhg. Datuk Roziah binti Abudin, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Perdagangan Dalam Negeri)**. Perincian lanjut mengenai program adalah seperti berikut:

Objektif Program

- Membangunkan dan menyelenggara laporan *Dashboard* serta analisis data;
- Memberikan hipotesis perniagaan untuk membuat keputusan yang lebih tepat;
- Membangunkan model visualisasi data untuk komunikasi yang berkesan;
- Menganalisis data yang boleh dipercayai untuk memperoleh nilai yang tepat; dan
- Reka bentuk proses analisis data yang selamat dan mematuhi peraturan.

Kursus Yang Dijalankan

- *Business Hypothesis Testing*;
- *Unstructured and Structured Data Analytic (Python, Jupyter Notebook)*;
- *Data Visualization (Tableau)*;
- *Data Communication, Visualization, and Reporting (Tableau)*; dan
- *Final Project*.

Peserta Pentauliahkan

- Encik Norzam Adhar bin Mohd Nor (BSB)
- Cik Shahreen Camalia binti Azmi (BAED)
- Tuan Zuhairi bin Zainal (BPGK)
- Puan Aime binti Abd Aziz (BPM)
- Encik Mohamad Amirul bin Adnan (BAED)
- Encik Wan Muhammad Razif bin Wan Mustafa (BHBN)
- Encik Tariq Ziad bin Abdul Razak (NACCOL)
- Cik Nur Athirah binti Nurul Azam (BAED)
- Encik Muhammad Hishyam bin Ibrahim (BAED)
- Cik Fildzah Yuhanis binti Ahmad Kamal (BHBN)



Kekerapan:

Sekurang-kurangnya dua kali seminggu atau berdasarkan keperluan

Penglibatan:

BAED, BHBN, NACCOL, BPGK, BPM dan BSB

Tarikh Pentauliahkan Pensijilan:

19 September 2024

Urus Setia:

Bahagian Analisis Ekonomi dan Data Strategik (BAED)

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT (UKK)


BULETIN KPND 2024



KENYATAAN MEDIA 2024



SLOT 2024



KERATAN AKHBAR 2024

HARI: KHAMIS

TARIKH: 17/10/2024

MISURAT: 17

BARANG KAWALAN DEEPAVALI

KPDN dalam proses muktamad senarai barangan, harga

Sebagai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Antarabangsa (KPDN) dalam proses muktamad senarai barangan kawalan Deepavali, termasuk senarai barangan yang akan dikenakan kawalan harga. Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Antarabangsa, Datuk Seri Annuar Musa, berkata, KPDN sedang dalam proses muktamad senarai barangan kawalan Deepavali, termasuk senarai barangan yang akan dikenakan kawalan harga. Beliau berkata, KPDN sedang dalam proses muktamad senarai barangan kawalan Deepavali, termasuk senarai barangan yang akan dikenakan kawalan harga.

HARI: RABU

TARIKH: 17/10/2024

MISURAT: 17

Bukan faktor utama

Tak wajar katikikan penyusaran subsidi diesel penyebab peningkatan kos sara hidup

Ork Samsudin

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Antarabangsa (KPDN) sedang dalam proses muktamad senarai barangan kawalan Deepavali, termasuk senarai barangan yang akan dikenakan kawalan harga. Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Antarabangsa, Datuk Seri Annuar Musa, berkata, KPDN sedang dalam proses muktamad senarai barangan kawalan Deepavali, termasuk senarai barangan yang akan dikenakan kawalan harga.

HARI: ISNIN

TARIKH: 22/7/2024

MISURAT: 2

ESKUSUSI

Harga minuman tanpa gula turun 10 sen

10

HARI: ISNIN

TARIKH: 16/8/2024


MISURAT: 3

Syarikat layak perlu segera mohon subsidi diesel

Raja yang belum terima

menyimpan hasil minyak

INFOGRAFIK 2024



UNIT INTEGRITI (UI)

Sambutan Hari Integriti KPDN

Bersempena dengan sambutan Hari Integriti yang diadakan pada bulan November setiap tahun, Hari Integriti peringkat Kementerian telah diadakan pada 28 November 2024 (Khamis). Hari Integriti ini dimulakan dengan sesi forum yang bertemakan “Teguh Integriti Kukuh Pertiwi” dan dikendalikan oleh Ketua Unit Integriti iaitu Tuan Ramli bin Ismail selaku moderator. Ahli-ahli panel bagi forum ini didatangkan khusus daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) iaitu YBhg. Dato’ TPJ Alias bin Salim, Pengarah SPRM Negeri Selangor dan YBhg. Dato’ TPJ Ahmad Sabri bin Mohamed, Pengarah SPRM Negeri Perak yang juga merupakan Presiden Persatuan Pegawai Integriti Bertauliah.

Sambutan Hari Integriti ini diteruskan dengan Pelancaran Buku Polisi Pengurusan Hadiah KPDN yang telah disempurnakan oleh YBhg. Dato’ Seri Mohd Sayuthi bin Bakar, Ketua Setiausaha KPDN. Selain itu, watakah perlantikan “Risk Champion” telah diberikan kepada Pengarah-Pengarah yang mewakili Bahagian dan Pejabat KPDN Negeri. Pelantikan ini dilaksanakan kerana mereka adalah peneraju risiko yang telah ditetapkan bagi melaksanakan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) Kementerian sebagaimana yang ditetapkan oleh *National Anti-Corruption Strategy* (NACS) bagi tahun 2025-2028.



Sebanyak tiga (3) Anugerah KSU bagi galakan penguatkuasaan berintegriti turut dianugerahkan kepada Bahagian Penguat Kuasa kerana menghasilkan kes-kes berprofil tinggi dengan nilai rampasan yang tinggi jumlahnya seperti berikut:

Kategori Anugerah	Penerima
Pengiktirafan Penguatkuasaan Dinamik	Bahagian Penguat Kuasa Putrajaya
Pengiktirafan Penguatkuasaan Cemerlang	Pejabat KPDN Negeri Selangor
Pengiktirafan Penguatkuasaan Progresif	Pejabat KPDN Negeri Kelantan

Pengiktirafan turut diberikan kepada Bahagian-Bahagian dan Pejabat KPDN Negeri yang kakitangannya berjaya mengisytiharkan harta 100% setakat bulan November, 2024. Anugerah ini telah disampaikan oleh YBhg. Timbalan Pesuruhjaya Datuk Mohd Zaki bin Hassan, Pengarah Bahagian Penyiasatan Tatakelola SPRM.



Pembangunan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) KPDN

Selaras dengan hasrat mendukung usaha pemantapan tatakelola, integriti dan pembanterasannya rasuah dalam sistem pengurusan pentadbiran Kerajaan, maka KPDN telah membangunkan pelan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) KPDN. Ia adalah sejajar dengan mandat untuk Pembangunan Strategi Pembanterasannya Rasuah (OACS) KPDN sebagaimana yang telah digariskan oleh Arahan YAB Perdana Menteri Siri 2 No. 2 Tahun 2024.

Untuk itu, KPDN telah mengadakan Bengkel Pemurnian Pengurusan Risiko Rasuah pada 18–20 Julai 2024. Ia melibatkan seramai 40 orang pegawai daripada kalangan Kumpulan Pengurusan & Profesional daripada Bahagian-Bahagian di KPDN Ibu Pejabat. Selain itu, pada 7–10 Oktober 2024,

KPDN juga telah mengadakan Bengkel Pembangunan CRM KPDN bersama pihak Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia, SPRM melibatkan 21 orang Pegawai Perhubungan Bahagian dan 15 orang Pegawai Perhubungan Negeri.


CRM yang dibangunkan merupakan satu alat pengurusan yang boleh membantu mewujudkan sebuah sistem pengurusan yang bercirikan antirasuah dan mendukung nilai integriti yang tinggi. CRM yang dilaksanakan mengambil kira rasuah sebagai risiko asas dalam sesebuah pengurusan dengan menggunakan pendekatan Penilaian dan Pengurusan Risiko yang akan digunakan sebagai panduan bagi membina satu pelan dan Strategi Pembanterasannya Rasuah (OACS) KPDN 2025–2028.





Bengkel Pembangunan CRM KPDN bersama pihak Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia, SPRM melibatkan

21 orang Pegawai Perhubungan Bahagian dan 15 orang Pegawai Perhubungan Negeri







Ketangkasan Penguatkuasaan

Bahagian Penguat Kuasa (BPGK)
Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)

BAHAGIAN PENGUAT KUASA (BPGK)

PENCAPAIAN KESELURUHAN

Bahagian Penguat Kuasa terus komited menguatkuasakan undang-undang perdagangan merangkumi aspek mengawal selia bekalan dan harga barang, membanteras aktiviti penyelewengan barang kawalan dan bersubsidi, memberi perlindungan ke atas harta intelek dan melindungi hak-hak pengguna dalam negara.



845,630
Pemeriksaan di
kawasan bandar dan
luar bandar



10,500
Kes



RM111.359
juta
Nilai rampasan



RM3.52
juta
Denda



RM7.48
juta
Kompaun

MESYUARAT PENYELARASAN TUGAS PENGUATKUASAAN BERSAMA AGENSI PENGUATKUASAAN DI SARAWAK



TERAS 1: MENGAWAL SELIA BEKALAN DAN HARGA BARANG

Memastikan bekalan barang keperluan sentiasa mencukupi, pematuhan ke atas harga kawalan yang telah diwartakan dan menjamin kestabilan harga barang melalui penguatkuasaan undang-undang Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 [Akta 723] dan Akta Kawalan Bekalan 1961 [Akta 122].

1. Pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah melaksanakan sebanyak enam (6) Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) pada tahun 2024 iaitu:

- | | |
|---------------------------|------------------------|
| i. SHMMP Tahun Baru Cina | iv. SHMMP Hari Gawai |
| ii. SHMMP Hari Raya Puasa | v. SHMMP Deepavali |
| iii. SHMMP Pesta Kaamatan | vi. SHMMP Hari Krismas |

SHMMP yang telah dilaksanakan sejak tahun 2000 itu telah membantu rakyat atau pengguna yang menyambut enam (6) perayaan utama dalam negara untuk mendapatkan harga barangan yang menjadi tumpuan pada musim perayaan berkenaan pada harga yang munasabah. Senarai dan harga barangan terlibat diwartakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 [Akta 723].

HARI RAYA PUASA



GAWAI



DEEPAVALI



KRISMAS



22,294

Premis
di peringkat pengeluar,
pemborong dan peruncit
telah diperiksa



240

Kes




RM15,840.75

Nilai sitaan



RM26,100.00

Kompaun





390 Notis

Bertulis
telah dikeluarkan
melibatkan peniaga di
pelbagai peringkat rantaian
pengedaran



1,040

Jenis barangan

2. Pelaksanaan OPS KESAN 2024 & OPS TIRIS 3.0

OPS KESAN 2024

OPS KESAN dilaksanakan bertujuan untuk memastikan peniaga tidak mengambil kesempatan dengan menaikkan caj perkhidmatan dan harga barangan sewenang-wenangnya atau melakukan aktiviti pengambilan keuntungan secara tidak munasabah (mencatut) serta mematuhi sepenuhnya perundangan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 [Akta 723].

Pada tahun 2024, Bahagian Penguat Kuasa telah melaksanakan OPS KESAN 1.0 hingga OPS KESAN 3.0 susulan pelaksanaan kadar baharu cukai jualan dan perkhidmatan bermula 1 Mac 2024, pelaksanaan penyasaran subsidi bahan api diesel di Semenanjung Malaysia bermula 10 Jun 2024 dan pelarasan gaji penjawat awam bermula 1 Disember 2024. Ini bagi memastikan tiada pihak yang tidak bertanggungjawab ingin mengambil kesempatan susulan pelaksanaan perkara tersebut.



MESYUARAT JAWATANKUASA PEMANDU TASK FORCE OPS TIRIS



OPS TIRIS 3.0

Berdasarkan perkembangan positif yang ditunjukkan dalam pelaksanaan OPS TIRIS 2023, OPS TIRIS 3.0 diteruskan bermula 1 Januari 2024 bagi meneruskan tindakan penguatkuasaan dan membanteras ketirisan minyak diesel bersubsidi.

Kerjasama erat bersama agensi penguatkuasaan lain juga terus diperhebat bagi memastikan aktiviti penyelewengan dan ketirisan barang kawalan dan bersubsidi dapat dibanteras dengan lebih holistik.

Kementerian dan agensi terlibat terdiri daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan beberapa agensi penguatkuasaan lain.

Pelaksanaan OPS TIRIS 3.0 juga telah diperluaskan kepada lima (5) jenis komoditi lain iaitu gula putih bertapis (kasar dan halus), minyak masak bungkusan polibeg 1kg, tepung gandum, petrol RON95 dan gas petroleum cecair (LPG).



43,444

Pemeriksaan telah dilakukan di seluruh negara



2,727

Kes



RM22.45 juta

Nilai rampasan barang kawalan



RM90.98 juta

Nilai keseluruhan rampasan termasuk aset & peralatan



621

Individu telah ditahan untuk siasatan

Kes serahan daripada
agensi penguatkuasaan lain
tahun 2024



822
Kes



RM47.35 juta
Nilai rampasan

3. Kerjasama daripada Agensi Penguatkuasaan bagi Membanteras Aktiviti Penyelewengan dan Ketirisan Barang Kawalan dan Bersubsidi

KPDN melalui Bahagian Penguat Kuasa sentiasa bekerjasama dengan agensi penguatkuasaan lain di dalam merangka plan strategik dan gerak kerja bagi membanteras aktiviti penyelewengan dan ketirisan barang kawalan dan bersubsidi di seluruh negara. Kerjasama rapat KPDN bersama agensi penguatkuasaan lain seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Pasukan Gerak Am (PGA), Agensi Penguatkuasaan

Maritim Malaysia (APMM), Kastam Diraja Malaysia (KDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Pasukan Polis Marin (PPM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan sebagainya adalah dalam aspek penguatkuasaan, perkongsian maklumat dan kepakaran. Ini amat penting supaya aktiviti penyelewengan dan ketirisan barang kawalan dan bersubsidi dapat dibanteras dengan lebih holistik.

TERAS 3: MELINDUNGI HAK-HAK PENGGUNA

Melindungi hak dan kepentingan pengguna melalui penguatkuasaan undang-undang perdagangan dalam negara merupakan salah satu agenda utama KPDN bagi memastikan suasana perdagangan yang adil dan mampan dapat dinikmati oleh pengguna termasuk aktiviti urus niaga yang dilakukan secara dalam talian.

Selain itu, aduan awam yang diterima oleh KPDN terutama berkaitan isu bekalan dan harga barang juga akan disiasat segera oleh Bahagian Penguat Kuasa. Tindakan tegas akan diambil ke atas mana-mana pihak yang didapati melanggar undang-undang dan peraturan yang sedang berkuatkuasa.

4. Pengurusan Aduan

KPDN telah menyediakan pelbagai saluran aduan bagi memudahkan pengguna menyalurkan sebarang maklumat berkaitan salah laku peniaga kepada

pihak Kementerian. Siasatan segera akan dilakukan ke atas setiap aduan terutama bagi aduan berkaitan bekalan dan harga barang.



46,815
Aduan telah diterima di
seluruh negara

4.1 Penguatkuasaan Undang-Undang Berkaitan Halal

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bertanggungjawab menjalankan penguatkuasaan dan membuat pemantauan pasca pensijilan bagi memastikan makanan, barangan dan perkhidmatan yang berada di pasaran Malaysia mematuhi perundangan halal yang telah ditetapkan di bawah Akta Perihal Dagangan 2011 [Akta 730] dan perundangan subsidiarinya. Aktiviti penguatkuasaan merangkumi proses kerja pemeriksaan, serbuan, sitaan, siasatan dan seterusnya pendakwaan di mahkamah.

Bahagian Penguat Kuasa KPDN bertanggungjawab untuk menguatkuasakan undang-undang berkaitan halal di bawah Akta Perihal Dagangan 2011 [Akta 730]

melalui dua subsidiari yang khusus iaitu Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011 dan Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang sentiasa bekerjasama dengan KPDN berhubung isu halal ini merupakan pihak berkuasa berwajib untuk memperakukan halal di Malaysia, selain daripada Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Makanan, barang-barang dan perkhidmatan yang berkaitan makanan dan barang-barang hanya boleh diperakukan halal oleh kedua-dua agensi ini. Dalam erti kata lain, JAKIM dan MAIN adalah entiti yang menguruskan pensijilan halal di Malaysia.

4.2 Syarikat Pengendali Perkhidmatan Haji dan Umrah Didakwa 63 Pertuduhan Gagal Patuh Award Tribunal

Sebuah syarikat pengendali perkhidmatan haji dan umrah terkenal telah didakwa di Mahkamah Majistret Putrajaya atas 63 pertuduhan pada 15 Januari 2024 berkaitan kegagalan mematuhi award yang telah dikeluarkan oleh Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM).

Kes ini berprofil tinggi dan serius kerana membabitkan ratusan award dan kerugian ratusan ribu ringgit ke atas pelanggan pakej umrah/ mangsa.

Syarikat Emraz Travel & Tours Sdn. Bhd. dan dua (2) orang pengarahnya iaitu Zulkarnain bin Endut dan Mazuin binti Mustafa masing-masing berumur 43 tahun telah didakwa di bawah Akta Pelindungan Pengguna 1999 [Akta 599] kerana didapati telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 117(1) Akta yang sama iaitu telah gagal untuk mematuhi award yang telah dikeluarkan oleh Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) bagi 21 kes tuntutan berkaitan perkhidmatan umrah yang melibatkan 63 pertuduhan dengan jumlah award keseluruhan sebanyak RM589,031.00.



60
Kes



RM1.82 juta
Nilai rampasan



Penguatkuasaan di bawah aktiviti cetak rompak tahun 2024



23

Pemeriksaan dilakukan



29

Kes



RM1.23 juta
Nilai rampasan

Penguatkuasaan di bawah membanteras aktiviti barang tiruan tahun 2024



495

Kes



RM7.81 juta
Nilai rampasan

4.3 Pencapaian Penguatkuasaan di Bawah Cetak Rompak dan Barang Tiruan

Selain daripada melindungi hak dan kepentingan pengguna, KPDN juga berperanan di dalam melindungi hak harta intelek merangkumi pelindungan ke atas hak cipta, hasil karya dan sebagainya. Pelindungan ke atas hak harta intelek ini amat penting kerana harta intelek merupakan satu komponen penting dalam pembangunan ekonomi negara selain dapat meningkatkan aktiviti pelaburan dan perdagangan.

Agensi di bawah KPDN yang menguruskan berkaitan hak harta intelek ini adalah Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO).

Dalam aspek penguatkuasaan, Bahagian Penguat Kuasa KPDN bertanggungjawab di dalam menguatkuasakan undang-undang berkaitan hak cipta dan harta intelek iaitu Akta Hak Cipta 1987 [Akta 332], Akta Perihal Dagangan 2011 [Akta 730], Akta Cap Dagangan 2019 [Akta 815], Akta Cakera Optik 2000 [Akta 606], Akta Petunjuk Geografi 2000 [Akta 602] dan Akta Paten 1983 [Akta 291].



4.4 Program Cyber Copyright Enforcement (CyCORE)

Penguatkuasaan bagi melindungi hak cipta dilaksanakan di bawah perundangan Akta Hak Cipta 1987 dengan kerjasama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (MCMC) serta syarikat perkhidmatan internet (ISP) bagi tindakan halangan akses (*site blocking*) yang diperuntukkan di bawah subseksyen 41(1)(k) Akta Hak Cipta 1987 dan subseksyen 263(2) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

Tindakan halangan akses (*site blocking*) yang dilaksanakan diselaraskan di bawah inisiatif Kementerian iaitu program *Cyber Copyright Enforcement* (CyCORE) yang telah diperkenalkan oleh KPDN sejak 6 Januari 2022. Program CyCORE antara lain bertujuan untuk melindungi dan membanteras pelanggaran hak cipta bagi suatu filem tempatan yang beralih kepada kaedah digital dengan menggunakan perkhidmatan *platform over-the-top* (OTT) yang mengkhususkan penayangan filem-filem tempatan.

4.5 Pengiktirafan dan Penarafan Antarabangsa Berkaitan Perlindungan Harta Intelekt di Malaysia

Malaysia kekal dalam kedudukan negara tidak tersenarai dalam *Watch List* oleh *USTR-Special 301 Report* tahun 2024 dalam tempoh 13 tahun berturut-turut sejak tahun 2012. Ini menunjukkan pengiktirafan badan penarafan

antarabangsa ke atas usaha Malaysia di dalam memperkasa perlindungan hak harta intelek dan membanteras aktiviti penjualan barang tiruan serta cetak rompak dalam negara mahupun secara global.

4.6 Pindaan Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011

Pindaan Jadual Kedua di bawah Perintah Perihal Dagangan (Perakuan Dan Penandaan Halal) 2011 telah diwartakan pada 4 Oktober 2024 dan mula berkuat kuasa pada 5 Oktober 2024. Pindaan ini dilakukan bertujuan untuk mengemaskini senarai badan pensijilan halal luar negara yang diiktiraf oleh JAKIM dalam Jadual Kedua, Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011.

Melalui pindaan ini, JAKIM telah mengiktiraf lima lagi badan pensijilan halal luar negara pada tahun 2024, masing-masing satu daripada negara Brazil, Mongolia dan Uruguay manakala dua adalah daripada negara Rusia. Penambahan ini menjadikan jumlah keseluruhan badan pensijilan halal luar negara yang diiktiraf oleh JAKIM adalah sebanyak 88 pihak berautoriti merangkumi 49 buah negara di seluruh dunia.




Berdasarkan statistik penguatkuasaan di bawah CyCORE, sepanjang tahun 2024, sebanyak

110 laman sesawang telah dikenal pasti yang mengandungi

37 karya filem tempatan

telah diambil tindakan halangan akses (*site blocking*).




5. Majlis Amanat YAB Perdana Menteri bersama Warga Penguatkuasa KPDN dan Peluncuran Portal Ihsan MADANI

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah menganjurkan Majlis Amanat YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri bersama penguat kuasa KPDN dan Peluncuran Portal Ihsan MADANI pada 23 Ogos 2024 bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).

YB Datuk Armizan Mohd Ali, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup dalam ucaptamanya menzahirkan ucapan tahniah di atas kelancaran pertemuan YAB Perdana Menteri bersama Penguat Kuasa KPDN kerana pertemuan khas kali ini sangat bermakna kerana sejak Bahagian Penguat kuasa diwujudkan pada tahun 1972, inilah julung kalinya Perdana Menteri hadir dalam satu majlis khas bersama jentera penguat kuasa KPDN.





SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA (MYCC)



Penalti kewangan sebanyak
RM446,000
terhadap tujuh syarikat
yang terlibat dalam kartel
tipuan bida

Penalti kewangan sebanyak
**RM570.5
juta**
terhadap 107 syarikat
kerana terlibat dalam kartel
dan 2 syarikat monopoli



MyCC sedang menyiasat
13 kes
yang melibatkan lebih 500
perusahaan kerana disyaki
terlibat dalam kartel tipuan
bida melibatkan
**tender
bernilai
RM2.38
bilion**
dan lebih dari 20 syarikat
kerana disyaki terlibat
dalam kartel penetapan
harga

Ditubuhkan pada April 2011 melalui Akta Suruhanjaya Persaingan 2010, Suruhanjaya Persaingan Malaysia merupakan satu agensi di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) yang bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010 (Akta 712). Akta ini dilaksanakan untuk melindungi proses persaingan yang seterusnya akan merangsang produktiviti, keusahawanan yang berterusan dan inovasi dalam kalangan perusahaan, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan.

Akta 712 ini terpakai kepada semua aktiviti perdagangan yang dijalankan di dalam dan di luar Malaysia yang memberi kesan kepada persaingan dalam pasaran Malaysia. Ia menyediakan kerangka pengawalseliaan termasuk kuasa untuk menyiasat, menghakimi dan mengenakan hukuman kepada pelaku-pelaku yang melanggar undang-undang persaingan.

Pada akhir tahun 2023, MyCC telah menumpukan aktiviti penguatkuasaannya terhadap kartel dalam sektor makanan, pertanian serta tipuan bida. Pada Disember 2023, MyCC mencapai kejayaan besar apabila mengenakan penalti kewangan sebanyak RM415.5 juta terhadap lima pengeluar makanan ayam. Sejak itu, reputasi MyCC semakin kukuh dan dikenali dengan pemerkasaan aktiviti penguatkuasaannya.

MyCC telah menyambut ulang tahun yang ke-13 pada 1 April 2024. Pada tahun ini, MyCC terus mengukuhkan reputasinya dengan mengenakan penalti kewangan sebanyak RM446,000 terhadap tujuh syarikat yang terlibat dalam kartel tipuan bida. Selain itu, MyCC juga mengeluarkan tiga Keputusan Cadangan terhadap dua kes kartel tipuan bida dan satu kartel penetapan harga.

Selama penubuhannya juga MyCC telah berjaya mengenakan penalti kewangan sebanyak RM570.5 juta terhadap 107 syarikat kerana terlibat dalam kartel dan 2 syarikat monopoli yang menyalahgunakan kedudukan mereka.

Setakat ini, MyCC sedang menyiasat 13 kes yang melibatkan lebih 500 perusahaan kerana disyaki terlibat dalam kartel tipuan bida melibatkan tender bernilai RM2.38 bilion dan lebih dari 20 syarikat kerana disyaki terlibat dalam kartel penetapan harga.

Keutamaan semasa MyCC adalah termasuk meminda akta untuk memperkenalkan rejim kawalan penggabungan, menumpukan usaha kepada kartel tipuan bida, kartel dalam sektor makanan dan pertanian serta menangani cabaran yang dihadapi oleh perundangan dan dasar persaingan berikutan ekonomi digital.

Untuk maklumat lanjut mengenai MyCC, sila layari laman sesawang www.myc.gov.my.

PENCAPAIAN UTAMA TAHUN 2024

Penyiasatan dan Penguatkuasaan

Keputusan Akhir dan Keputusan Cadangan dan bagi Kes Pelanggaran Akta Persaingan 2010

Latar Belakang

Akta Persaingan 2010 memberi kuasa kepada MyCC untuk menyiasat dan mengambil tindakan terhadap syarikat yang terlibat di dalam amalan anti-persaingan. MyCC berkuasa untuk menyiasat mana-mana pihak termasuk pembekal, penjual dan pelanggan yang disyaki terlibat dengan amalan anti-persaingan atau penyalahgunaan kedudukan dominan atau monopoli.

Penyiasatan boleh dilakukan oleh MyCC dalam mana-mana situasi yang berikut:

- i. sekiranya mendapat arahan Menteri;
- ii. apabila terdapat pihak yang disyaki terlibat dalam aktiviti yang membabitkan pelanggaran undang-undang dalam Akta Persaingan 2010; atau
- iii. sekiranya terdapat sebarang aduan daripada orang awam.

Berdasarkan Akta Persaingan 2010, selepas selesai sesuatu penyiasatan, MyCC perlu mengeluarkan Keputusan Cadangan kepada perusahaan yang disyaki melanggar larangan di bawah Bahagian II Seksyen 4 (perjanjian antipersaingan) atau Seksyen 10 (penyalahgunaan kedudukan dominan).

Susulan daripada Keputusan Cadangan tersebut, sekiranya MyCC mendapati bahawa telah berlakunya pelanggaran di bawah Bahagian II, maka MyCC harus mengemukakan Keputusan Akhir berkenaan dengan pelanggaran tersebut kepada pihak yang terlibat dalam pelanggaran tersebut.

Tujuan Keputusan Cadangan dan Keputusan Akhir dikeluarkan oleh MyCC adalah untuk memaklumkan keputusan berdasarkan hasil penyiasatan MyCC kepada pihak yang disyaki atau didapati terlibat dalam pelanggaran di bawah Bahagian II Akta Persaingan 2010.

Pencapaian Penyiasatan Dan Penguatkuasaan 2024

Terdapat **satu (1) Keputusan Akhir** yang telah dikeluarkan oleh MyCC pada tahun 2024 iaitu:

Keputusan Dapatan Pelanggaran terhadap tujuh (7) perusahaan yang didapati melanggar seksyen 4 Akta Persaingan 2010 (Akta 712) kerana terlibat dalam aktiviti kartel tipuan bida yang melibatkan empat (4) tender yang ditawarkan oleh Kementerian Pertahanan (MINDEF) dengan nilai keseluruhan sekitar RM20 juta pada tahun 2017 dan 2020.

Selepas semakan menyeluruh terhadap bukti-bukti dan pertimbangan teliti terhadap representasi bertulis dan/atau lisan oleh ketujuh-tujuh perusahaan tersebut, MyCC telah memutuskan bahawa berdasarkan bukti yang kukuh, perlakuan syarikat-syarikat tersebut membawa kepada pelanggaran di bawah seksyen 4 Akta Persaingan 2010 (Akta 712) dan dikenakan penalti kewangan berjumlah RM446,092.95 kerana terlibat dalam aktiviti kartel tipuan bida yang melibatkan projek perolehan Kementerian Pertahanan (MINDEF).

MyCC juga telah mengeluarkan **tiga (3) Keputusan Cadangan** pada tahun 2024 iaitu:

i. Keputusan Cadangan Terhadap Lapan (8) Perusahaan Kerana Terlibat Dalam Aktiviti Kartel Tipuan Bida

Keputusan Cadangan pada April 2024 terhadap lapan (8) kontraktor atas pelanggaran seksyen 4 Akta Persaingan 2010 (CA 2010) kerana terlibat di dalam aktiviti tipuan bida pada tahun 2019 melibatkan dua (2) tender dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) dan satu (1) tender dikeluarkan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) beranggaran RM473 juta untuk kerja-kerja pembinaan jalan dan sistem tebatan banjir.

ii. Keputusan Cadangan Terhadap Tiga (3) Perusahaan Kerana Terlibat Dalam Aktiviti Kartel Tipuan Bida

Keputusan Cadangan terhadap tiga (3) perusahaan atas pelanggaran seksyen 4 Akta Persaingan 2010 (Akta 712) kerana terlibat dalam aktiviti kartel tipuan bida yang melibatkan enam tender kerja-kerja penyenggaraan yang dikeluarkan oleh Perbadanan Putrajaya (PPJ) pada bulan September. Jumlah keseluruhan tender ini dianggarkan bernilai kira-kira RM45 juta yang melibatkan dua (2) tender pada tahun 2018, tiga (3) tender pada tahun 2019 dan satu (1) tender pada tahun 2021.

iii. Keputusan Cadangan Terhadap 81 Perusahaan Yang Terlibat Dalam Kartel Penetapan Harga

Keputusan Cadangan terhadap 81 perusahaan kerana terlibat dengan perjanjian penetapan harga bagi penyediaan perkhidmatan perjalanan umrah di Malaysia bermula pada 2023 juga dikeluarkan pada bulan September 2024. Perlakuan kartel mereka boleh dianggap sebagai pelanggaran di bawah seksyen 4 Akta Persaingan 2010 (Akta 712).

Melalui penyiasatan pada peringkat Keputusan Cadangan ini, MyCC mendapati bahawa kesemua perusahaan ini yang merupakan ahli persatuan yang berdaftar di Malaysia, telah bersetuju untuk menetapkan harga lantai bagi kedua-dua perkhidmatan pakej umrah ekonomi dan premium dalam beberapa mesyuarat mereka pada awal 2023. MyCC juga mendapati bahawa persatuan terbabit membuat pengumuman kepada pihak media untuk memaklumkan kepada orang awam tentang harga lantai yang telah dipersetujui oleh mereka.



Jaringan Anti-Kartel

Program Jaringan Anti-Kartel (JAK) dan Tipuan Bida dalam Perolehan Kerajaan 2024 merupakan inisiatif dalam Kerangka Strategik Malaysia MADANI (KSMM) untuk mengukuhkan usaha membanteras kartel dan monopoli bermasalah. Oleh itu, MyCC telah diberi mandat untuk menjalankan libat urus dua hala di beberapa zon di seluruh negara bagi membiasakan dengan isu persaingan, kartel, dan tipuan bida dalam perolehan kerajaan. Program ini bermula di Zon Sabah, diikuti oleh Zon Sarawak, Zon Wilayah Tengah (termasuk Kuala Lumpur, Selangor, dan Perak), Zon Pantai Timur (meliputi Terengganu, Kelantan, dan Pahang), serta Zon Utara (termasuk Kedah, Perlis, dan Pulau Pinang). Fasa terakhir program ini akan dilaksanakan di Zon Selatan, meliputi Johor, Melaka, dan Negeri Sembilan, yang menandakan penutupan program bagi tahun 2024.

Program ini memberi fokus kepada beberapa topik utama termasuk:

- i. Akta Persaingan 2010 untuk mengawal selia amalan anti-persaingan, termasuk kartel, penyalahgunaan kedudukan dominan, dan perjanjian yang menjejaskan persaingan. Topik ini memberi pendidikan kepada peserta mengenai cara mengenal pasti tingkah laku kartel seperti penetapan

harga, pembahagian pasaran, penetapan bidaan, dan bentuk kerjasama lain yang merosakkan persaingan yang adil.


- ii. Memberi panduan kepada para pegawai yang terlibat dalam perolehan tender awam mengenai cara yang berkesan untuk membuat aduan tentang aktiviti kartel yang disyaki kepada MyCC, memastikan bahawa proses tersebut telus, mudah diakses dan cekap.
- iii. Kes-kes kartel yang disiasat oleh MyCC di bawah Akta Persaingan, terutamanya yang berkaitan dengan perolehan Kerajaan.

Program ini memberi latihan kepada pegawai KPDN mengenai teknik-teknik pengesanan kartel, pengumpulan bukti, dan prosedur perundangan yang berkaitan dengan amalan anti-persaingan. Dengan ini, pegawai-pegawai tersebut akan lebih bersedia untuk mengesan kartel dan amalan persaingan yang tidak sihat, serta dapat bertindak dengan lebih berkesan. Melalui program ini, MyCC menunjukkan komitmennya dalam memperkukuh penguatkuasaan undang-undang persaingan di negara ini.



Jaringan Anti-Kartel Zon Sarawak
Sheraton Kuching Hotel, Sarawak





Pemacu Ekonomi Domestik

Sekretariat Perdagangan Pengedaran dan Industri Perkhidmatan (SPIP)
Bahagian Pembangunan Perniagaan (BPP)
Bahagian Pembangunan Jualan Langsung (BPJL)
Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO)



SEKRETARIAT PERDAGANGAN PENGEDARAN DAN INDUSTRI PERKHIDMATAN (SPIP)

INISIATIF PENDIGITALAN SEKTOR PERUNCITAN - *RETAIL DIGITALISATION INITIATIVE* (ReDI)



4,560
peniaga
telah berdaftar melalui
program ReDI daripada
sasaran awal iaitu 3,750
peniaga melibatkan
pencapaian
sebanyak
122%

Program ReDI merupakan satu program yang menggalakkan peniaga untuk menggunakan kemudahan e-wallet dan membuat pendaftaran melalui penyedia-penyedia e-wallet yang terpilih serta menggalakkan amalan penggunaan e-wallet oleh pengguna dalam sebarang transaksi pembelian dengan objektif utamanya untuk mewujudkan ekosistem masyarakat tanpa tunai (*cashless society*) di seluruh negara khususnya di kawasan luar bandar.

Sepanjang tahun 2024, seramai **4,560 peniaga** telah berdaftar melalui program ReDI daripada sasaran awal iaitu 3,750 peniaga melibatkan pencapaian sebanyak **122%**. Secara keseluruhannya, daripada

15,000 peniaga yang disasarkan melalui Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12), sebanyak **21,076 peniaga** telah berdaftar melalui program ReDI yang dilaksanakan sejak tahun 2021 hingga tahun 2024 melibatkan pencapaian sebanyak **140%**.

Sebanyak 24 program telah dilaksanakan sepanjang tahun 2024 di seluruh negara antaranya adalah program **ReDI Plus** yang berbentuk 'cashback' melibatkan 91,000 transaksi dan 2,070 peniaga serta insentif pembelian peranti *soundbox* sebanyak RM100 yang telah memanfaatkan seramai 266 peniaga. Program lain yang telah dilaksanakan adalah seperti jadual di bawah:

Bil	Tarikh	Nama Program	Lokasi
1	19 Jan	Program ReDI <i>Cashless</i> Seja Bah	Kota Kinabalu, Sabah
2	20 Feb	Program ReDI Memperingati Pengisytiharan Tarikh Kemerdekaan	Melaka
3	23-25 Feb	Program MADANI Rakyat Zon Tengah	Kuala Selangor, Selangor
4	2-3 Mac	Program ReDI Jualan RAHMAH	Jengka, Pahang
5	14 Mac	Bazar Ramadan RAHMAH WP Putrajaya	Presint 14, WP Putrajaya
6	16-17 Mac	Bazar Ramadan RAHMAH Sabah	Papar, Sabah
7	18 Mac	Bazar Ramadan RAHMAH Kuala Lumpur	Kg Baru, Kuala Lumpur
8	20 Mac	Bazar Ramadan RAHMAH Selangor	Sungai Besar, Selangor
9	22 Mac	Bazar Ramadan RAHMAH Sarawak	Kuching, Sarawak
10	25 Mac	Bazar Ramadan RAHMAH Perak	Ipoh, Perak
11	27 Mac	Bazar Ramadan RAHMAH Pahang	Kuantan, Pahang

Bil	Tarikh	Nama Program	Lokasi
12	3-5 Mei	Program MADANI Rakyat Zon Utara	Sg. Nibong, Pulau Pinang
13	6-8 Jun	Karnival KPDN Zon Timur	Tunjong, Kelantan
14	7-9 Jun	Pesta Babulang	Limbang, Sarawak
15	1-5 Julai	ReDI Kembara	Raub, Lipis, Kuala Krai, Gua Musang, Besut
16	12-14 Julai	Karnival KPDN Zon Utara	Ipoh, Perak
17	26-28 Julai	Karnival Rakyat Karangkrak	Shah Alam, Selangor
18	11-22 Sept	MAHA	Serdang, Selangor
19	20-22 Sept	Karnival KPDN Zon Sarawak	Kuching, Sarawak
20	27-29 Sept	Program MADANI Rakyat Zon Sarawak	Miri, Sarawak
21	9-11 Okt	ReDI Sempadan	Bukit Bunga, Rantau Panjang, Pengkalan Kubor
22	18-20 Okt	Program MADANI Rakyat Zon Sabah	Kota Kinabalu, Sabah
23	25-27 Okt	Program 6 Hours Challenge ReDI Tahun 2024	Kota Tinggi, Johor
24	6-8 Dis	Karnival KPDN Zon Selatan	Ayer Keroh, Melaka

LAWATAN PENANDA ARAS

i. **12 September 2024 - United Nations Conference on Trade and Development, Geneva, Switzerland (UNCTAD)**

- Lawatan penanda aras ini diketuai oleh **YB Menteri PDN** bersama beberapa wakil pegawai KPDN untuk menjalin kerjasama antara UNCTAD dan Malaysia dalam memperkasakan kawal selia dan perundangan e-dagang di Malaysia.
- Pihak Malaysia telah disambut oleh **Secretary-General UNCTAD** dan UNCTAD telah bersetuju untuk memberikan kerjasama dengan berkongsi ilmu, kepakaran serta pengalaman dalam bidang kawal selia serta perundangan e-dagang.

ii. **16 September 2024 - European Commission (EC), Brussels, Belgium**

- Lawatan penanda aras ini diwakili oleh pegawai KPDN untuk membincangkan pelaksanaan pengawalseliaan EC terhadap sektor e-dagang di negara-negara **European Union (EU)**. Sesi ini melibatkan perkongsian ilmu mengenai perundangan e-dagang yang

dilaksanakan oleh EU seperti **Digital Services Act** dan **Digital Market Act**.

- Wakil EC hadir sebagai hasil hubungan baik antara Kementerian dengan pihak EC, termasuk jemputan kepada EC untuk menjadi penceramah pada **Conference's on Today's Malaysian E-Commerce & Consumer Protection Regulatory Framework** pada 19-20 September 2023 di **Aloft Kuala Lumpur Sentral**.

iii. **18-19 September 2024 - e-Commerce London Expo 2024, United Kingdom**

- Acara **e-Commerce London Expo 2024** adalah acara tahunan yang menghimpunkan pemain industri e-dagang di peringkat global. Ekspo ini memberi peluang kepada pegawai KPDN untuk mendapatkan ilmu dan pandangan mengenai isu dan cabaran serta teknologi terkini seperti **Artificial Intelligence (AI)**, **Augmented Reality (AR)**, dan **Robotics** yang diterapkan dalam sektor perdagangan dan e-dagang di negara luar. Pengalaman ini memberi input penting untuk merangka perundangan e-dagang di Malaysia.

iv. 8 November 2024 - Department Trade and Industry (DTI), Republik of Filipina

- Lawatan penanda aras ini diwakili oleh pegawai KPDN bersama **Undersecretary of e-Commerce Group, DTI, Filipina**. Pihak Filipina berkongsi maklumat mengenai situasi sektor e-dagang dan pengawalseliaan sektor

e-dagang di Filipina. Kerajaan Filipina telah mewartakan **Internet Transaction Act 2024 (ITA)** yang dijadualkan berkuat kuasa pada pertengahan 2025. Perkongsian ilmu ini seiring dengan hasrat Kementerian untuk mengkaji penambahbaikan dalam sektor e-dagang Malaysia.

BENGKEL

12-14 Ogos 2024 - Roundtable Session: Review on E-Commerce Legislation di Sheraton Petaling Jaya Hotel

Satu bengkel meja bulat telah diadakan dan dirasmikan oleh **Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Perdagangan Dalam Negeri) KPDN**. Peserta jemputan terdiri daripada pegawai KPDN, Kementerian/Agensi luar, pemain industri, dan persatuan pengguna. Bengkel ini juga dilaksanakan di **Sabah** dan **Sarawak** bagi mendapatkan pandangan dan isu daripada pemegang taruh di kedua-dua negeri, dengan sesi diadakan pada **24 Ogos 2024 di Dorsett Grand Labuan**.



SEKRETARIAT FOOD BANK MALAYSIA (SFBM)

Pada tahun 2024, pihak SFBM giat melaksanakan program-program berteraskan Pelaksanaan *Food Bank* Malaysia seperti *Food Bank* Siswa, *Food Bank* Komuniti dan Penggunaan Mesin Retort. Ini juga selaras dengan matlamat yang ditetapkan oleh *United Nations Sustainable Development Goals* (SDG) yang mensasarkan untuk mengurangkan isu pembaziran makanan menjelang tahun 2030. Berikut adalah program-program anjuran SFBM:

i. Program Food Bank Komuniti Bersama Warga Orang Asli Pos Lemoi Cameron Highlands.

Program ini telah dilaksanakan pada 10 dan 11 Ogos 2024 bertempat di Cameron Highland, Pahang dan melibatkan 15 sukarelawan daripada Kementerian. Program dimulakan dengan sesi gotong-royong membersihkan kawasan perumahan penduduk dan merewang. Sebanyak 100 kotak sumbangan berjaya diagihkan kepada 100 orang penduduk Pos

Lemoi dan Kampung Telimau. Aktiviti ramah mesra bersama penduduk warga orang asli telah dilaksanakan bagi mengenal dengan lebih mendalam mengenai kehidupan yang dijalani oleh penduduk orang asli yang terasing daripada kehidupan bandar.

ii. Kursus Pengukuhan dan Pemantapan Pengoperasian Teknologi Pembungkusan Makanan Secara Retort.

Kementerian telah memperkenalkan Akta Perlindungan Makanan 2020 (AKPM 2020) yang telah diwartakan pada 13 Mac 2020 yang bertujuan melindungi serta meredakan kebimbangan para penderma. Satu kursus pengukuhan dan pemantapan Pengoperasian teknologi pembungkusan makanan secara retort telah dilaksanakan pada 27 November 2024 beserta sesi penyampaian mesin retort kepada 20 orang penerima inisiatif Program *Food Bank* Malaysia.

Pelaksanaan inisiatif ini melibatkan kerjasama daripada pelbagai pihak antaranya Rakan Strategik Utama (RSU), KPND Negeri, Agensi Kerajaan, Institut Pengajian Tinggi (IPT), industri perhotelan dan katering.



iii. Bengkel Pemurniaan Garis Panduan Program *Food Bank* Siswa di Universiti Malaya.

Bengkel yang telah dilaksanakan pada 28 November 2024 bertempat di Universiti Malaya, Kuala Lumpur dan mendapat penglibatan seramai 16 wakil daripada setiap Bahagian Hal Ehwal dan Pelajar (HEP) Institusi Pengajian Tinggi (IPT) bagi menambahbaik pelaksanaan Program *Food Bank* Siswa di IPT masing-masing.

Memandangkan Garis Panduan Pelaksanaan Program *Food Bank* Siswa sebelum ini tidak membenarkan IPT memohon sumbangan secara berkala, wakil HEP mencadangkan agar satu bengkel yang melibatkan kesemua 31 IPT terlibat sama untuk mewujudkan satu Garis Panduan Pelaksanaan Program *Food Bank* Siswa yang kukuh bagi membolehkan IPT berdikari dan tidak bergantung kepada sumbangan daripada pihak Kementerian sahaja.



Program RATE



Program RATE Sarawak



Program RATE Perak



Program RATE Pahang



BAHAGIAN PEMBANGUNAN PERNIAGAAN (BPP)

PROGRAM JUALAN RAHMAH MADANI (PJRM)

Program Jualan RAHMAH MADANI (PJRM) adalah sebuah program anjuran Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) di bawah inisiatif Payung RAHMAH yang menawarkan penjimatan harga barangan keperluan harian 10% hingga 30% lebih murah daripada harga pasaran.

Program yang bermula sejak tahun 2022 ini dilaksanakan di 222 kawasan parlimen

seluruh negara dengan penglibatan industri runcit dan borong domestik.

Antara barang-barang keperluan harian yang diberikan diskaun adalah ayam, ikan, hasil laut, telur ayam, minyak masak botol, tepung gandum, beras, sayur-sayuran, buah-buahan, barangan penjagaan diri, barangan pembersihan rumah, lampin pakai buang, barangan keperluan sekolah, ubat-ubatan dan lain-lain barangan keperluan harian.

Statistik Jualan RAHMAH MADANI Berdasarkan Pecahan Model Pelaksanaan Tahun 2024

Negeri	Dalam Premis	Luar Premis/ Premium	Bergerak	Jumlah Keseluruhan
Perlis (P.001-P.003)	49	16	133	198
Kedah (P.004-P.018)	91	35	421	547
Kelantan (P.019-P.032)	15	0	741	756
Terengganu (P.033-P.032)	376	2	496	874
Pulau Pinang (P.041-P.053)	15	198	695	908
Perak (P.054-P.077)	329	112	504	945
Pahang (P.078-P.091)	194	35	276	505
Selangor (P.092-P.113)	481	28	1,137	1,646
Kuala Lumpur (P.114-P.124)	154	24	421	599
Putrajaya (P.125)	32	73	0	105
Negeri Sembilan (P.126-P.133)	583	66	238	887
Melaka (P.134-P.139)	656	5	230	891
Johor (P.140-P.165)	168	63	735	966
Labuan (P.166)	76	17	6	99
Sabah (P.167-P.191)	883	34	302	1,219
Sarawak (P.192-222)	726	16	373	1,115
Jumlah Keseluruhan	4,828	724	6,708	12,260



12,260

lokasi berjaya dilaksanakan



4,828

luar premis/premium



6,708


secara bergerak



manfaat kepada

12,533,646

penerima





KEMPEN BELI BARANGAN MALAYSIA

Kempen Beli Barangan Malaysia dilaksanakan bertujuan untuk memperkukuh perbelanjaan domestik dengan menggalakkan para pengguna di negara ini menyokong dan membeli produk, barangan dan perkhidmatan tempatan. Ini secara tidak langsung dapat membantu pengusaha tempatan dalam memasarkan produk dan perkhidmatan mereka sekaligus merancakkan serta menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara agar lebih berdaya saing.

Objektif Pelaksanaan

I. MERANGSANG EKONOMI

Merangsang pertumbuhan ekonomi domestik dengan meningkatkan pembelian barangan tempatan sekaligus memberi peluang pekerjaan kepada rakyat.

II. SEMANGAT PATRIOTISME

Menggalakkan rakyat mengutamakan barangan tempatan sekaligus meningkatkan semangat patriotisme dalam kalangan rakyat Malaysia.

III. KESEDARAN

Meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kualiti produk/barangan Malaysia yang juga setanding dengan barangan import.

IV. MEMASAR PRODUK TEMPATAN

Membantu pengusaha tempatan dalam memasarkan serta mempamerkan produk mereka kepada rakyat Malaysia sekaligus menarik minat orang ramai terhadap barangan tempatan.

Inisiatif Strategik Tahun 2024

1. PEMERKASAAN PRODUK TEMPATAN DI DALAM INDUSTRI PERUNCITAN

- Kerjasama rakan strategik industri tempatan seperti rangkaian pasar raya besar, pasar raya dan kedai serbaneka.
- Antara program yang telah dilaksanakan adalah:
 - i. Menggalakkan rak pengenalan khas sebagai tujuan mempromosikan barangan tempatan di premis;
 - ii. Pemberian diskaun secara terus oleh peruncit bagi setiap pembelian barangan tempatan; dan
 - iii. Pelaksanaan promosi dan perasmian KBBM di peringkat rakan strategik.

2. PEMERKASAAN PRODUK TEMPATAN MELALUI PLATFORM DALAM TALIAN (MARKETPLACE)

- Bertujuan untuk menggalakkan pengguna dan para usahawan PMKS supaya memanfaatkan




Melibatkan
kerjasama dengan
18 buah
syarikat
peruncitan



Jumlah jualan yang
direkodkan suku
ketiga berjumlah
RM1,029,043,846.78



Jumlah SKU (suku ketiga) =
72,255



landskap ekonomi digital dalam model perniagaan masa kini. Medium pemasaran atas talian lebih bersifat “convenient” kerana ia meningkatkan kecekapan aktiviti perniagaan dan akhirnya akan merangsang pendapatan ekonomi domestik.

- Melibatkan dua (2) buah penyedia *platform marketplace* iaitu Shopee dan Tiktok Shop.

3. PENGANTARABANGSAAN PRODUK TEMPATAN KE LUAR NEGARA

Jumlah jualan adalah sebanyak **RM532,159.90** Jumlah SKU **275**

- Kerjasama bersama tiga (3) buah syarikat iaitu UNITI Asia Link Sdn Bhd, Lulu Hypermarket dan Aeon Co (M) Sdn Bhd.
- Antara program luar negara yang telah dilaksanakan pada tahun 2024 adalah seperti berikut:
 - Program Citarasa Malaysia pada 17-19 Ogos 2024 di Pattani, Thailand;
 - Program *Taste of Malaysia* - Kerjasama Strategik Bersama Lulu Hypermarket pada 30 Ogos – 13 September 2024 di Dubai, UAE;
 - Program *Malaysia Fair - Taste Of Malaysia* -Kerjasama Strategik Bersama Aeon Co. (M) Berhad pada 10-14 Oktober 2024 di Tokyo, Jepun; dan
 - Program *MAROI Festival* 2024 pada 31 Oktober 2024 sehingga 3 November 2024 di Pattani, Thailand

4. KOLABORASI STRATEGIK MEDIA INTERAKTIF

- Pendekatan kerjasama secara kolaborasi khas dengan syarikat berkepentingan masih diteruskan iaitu bersama pihak *Warnakala Studios (Didi & Friends)* dan *Monsta Studios (Papa Pipi)* bagi mendapatkan hak penyiaran sedia ada berdasarkan keberkesanan pelaksanaan inisiatif ini sebelum ini


5. PEMERKASAAN PRODUK TEMPATAN MELALUI JUALAN BERTEMA BERDASARKAN SEGMENT FESYEN

Jumlah jualan adalah sebanyak **RM98,694.40**

- Kolaborasi khas bersama dengan Persatuan Pereka Bumiputera Malaysia (MBDA)
- Penganjuran Program *MY Gaya Month* diadakan pada 8 Oktober 2024 sehingga 5 November 2024
- Penganjuran Program *Fesyen Show* sempena KBBM diadakan pada 26 Oktober 2024

6. PELAKSANAAN KARNIVAL BARANGAN MALAYSIA

- Diadakan bersekali dengan penganjuran Karnival KPND di lima (5) negeri iaitu Perlis, Kelantan, Perak, Sarawak dan Melaka.



PENANDAAN LOGO BARANGAN MALAYSIA

Inisiatif bagi memartabatkan produk tempatan melalui pengiktirafan dan penarafan produk dengan penandaan Logo Barangan Malaysia, di samping menanam semangat patriotisme dalam kalangan rakyat agar mengutamakan produk tempatan.

KARNIVAL KPDN NEGERI PERLIS



Program Jelajah Karnival KPDN Tahun 2024 Negeri Perlis telah diadakan pada 10 hingga 12 Mei 2024 bertempat di Dataran Lapang Kangar Jaya, Kangar, Perlis yang telah dirasmikan oleh YB Menteri KPDN. Program ini diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan tentang fungsi dan peranan KPDN secara terus kepada masyarakat melalui pengisian aktiviti dan jualan sepanjang tiga (3) hari program berlangsung. Antara pengisian program yang telah diadakan adalah pameran daripada pelbagai bahagian dan agensi di KPDN serta Kementerian dan agensi pembimbing usahawan, pameran daripada usahawan tempatan bagi segmen Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM), Jualan RAHMAH MADANI dan jualan daripada usahawan bagi segmen Menu RAHMAH dan foodtruck.

KARNIVAL KPDN ZON TIMUR (KELANTAN)




Program Jelajah Karnival KPDN Tahun 2024 Zon Timur telah diadakan pada 6 hingga 8 Jun 2024 bertempat di Medan RTC Tunjung, Kota Bharu, Kelantan yang telah dirasmikan oleh YB Menteri KPDN. Program ini diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan tentang fungsi dan peranan KPDN secara terus kepada masyarakat melalui pengisian aktiviti dan jualan sepanjang tiga (3) hari program berlangsung. Antara pengisian program yang telah diadakan adalah pameran daripada pelbagai bahagian dan agensi di KPDN serta Kementerian dan agensi pembimbing usahawan, pameran daripada usahawan tempatan bagi segmen Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM), Jualan RAHMAH MADANI dan jualan daripada usahawan bagi segmen Menu RAHMAH dan foodtruck.

 **423**
Jumlah Permohonan
(Syarikat)

 **4,122**
Jumlah
SKU yang dipohon

 **3,885**
Jumlah
SKU yang diluluskan

*sehingga 31 Disember 2024



KARNIVAL KPDN ZON TENGAH (NEGERI PERAK)



Program Jelajah Karnival KPDN Tahun 2024 Zon Tengah telah diadakan pada 12 hingga 14 Julai 2024 bertempat di Perkarangan Stadium Indera Mulia, Ipoh, Perak yang telah dirasmikan oleh YB Menteri KPDN. Program ini diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan tentang fungsi dan peranan KPDN secara terus kepada masyarakat melalui pengisian aktiviti dan jualan sepanjang tiga (3) hari program berlangsung. Antara pengisian program yang telah diadakan adalah pameran daripada pelbagai bahagian dan agensi di KPDN serta Kementerian dan agensi pembimbing usahawan, pameran daripada usahawan tempatan bagi segmen Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM), Jualan RAHMAH MADANI dan jualan daripada usahawan bagi segmen Menu RAHMAH dan foodtruck.

KARNIVAL KPDN ZON SARAWAK



Program Jelajah Karnival KPDN Tahun 2024 Zon Sarawak telah diadakan pada 20 hingga 22 September 2024 bertempat di Tapak MetroCity Events Park, Matang, Kuching, Sarawak yang telah dirasmikan oleh YB Menteri KPDN. Program ini diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan tentang fungsi dan peranan KPDN secara terus kepada masyarakat melalui pengisian aktiviti dan jualan sepanjang tiga (3) hari program berlangsung. Antara pengisian program yang telah diadakan adalah pameran daripada pelbagai bahagian dan agensi di KPDN serta Kementerian dan agensi pembimbing usahawan, pameran daripada usahawan tempatan bagi segmen Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM), Jualan RAHMAH MADANI dan jualan daripada usahawan bagi segmen Menu RAHMAH dan foodtruck.

KARNIVAL KPDN ZON SELATAN



Program Jelajah Karnival KPDN Tahun 2024 Zon Selatan telah diadakan pada 6 hingga 8 Disember 2024 bertempat di Dataran Sejarah, Ayer Keroh, Melaka yang telah dirasmikan oleh YB Menteri KPDN. Program ini diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan tentang fungsi dan peranan KPDN secara terus kepada masyarakat melalui pengisian aktiviti dan jualan sepanjang tiga (3) hari program berlangsung. Antara pengisian program yang telah diadakan adalah pameran daripada pelbagai bahagian dan agensi di KPDN serta Kementerian dan agensi pembimbing usahawan, pameran daripada usahawan tempatan bagi segmen Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM), Jualan RAHMAH MADANI dan jualan daripada usahawan bagi segmen Menu RAHMAH dan foodtruck.

PROGRAM ACCESS TO RETAIL

Bahagian Pembangunan Perniagaan telah melaksanakan **Program Access to Retail** yang merangkumi dua (2) program utama iaitu Program Latihan Pembangunan Perniagaan dan Program Padanan Perniagaan. Inisiatif ini bertujuan membantu usahawan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) untuk menggilap potensi perniagaan melalui siri latihan dan mengembangkan perniagaan ke pasaran yang lebih luas sekaligus memacu ekonomi domestik. Inisiatif ini juga dijayakan melalui kerjasama dengan pihak industri seperti pasar raya/pasar raya besar tempatan dan asing serta Agensi Kerajaan yang berkaitan bagi memajukan usahawan PMKS tempatan.



Aktiviti dan Pencapaian

- Sebanyak 10 siri Program Latihan Pembangunan Perniagaan dan enam (6) siri Padanan Perniagaan telah dilaksanakan sepanjang tahun 2024.
- Program *Access to Retail* pada tahun 2024 dimulakan dengan Program Sehari Bersama PMKS pada 28 Februari 2024 bertempat di KPND.
 - o Program ini merangkumi aktiviti jualan, padanan perniagaan, *pocket talk* dan sesi temu santai di antara Bahagian Pembangunan Perniagaan dan usahawan-usahawan PMKS bagi menggalakkan komunikasi dua hala.
 - o Program Sehari Bersama PMKS menerima sambutan yang menggalakkan dengan penyertaan usahawan PMKS baharu dan lama serta hasil jualan yang memberangsangkan daripada warga KPND dalam menyokong produk tempatan.

PELAKSANAAN PROGRAM LATIHAN PEMBANGUNAN PERNIAGAAN TAHUN 2024

Bil	Nama Program Latihan/Kursus	Tarikh Pelaksanaan	Tempat	Penyertaan Usahawan
1	Program Sehari Bersama PMKS	28 Februari 2024 (Rabu)	Dewan Serbaguna, Aras G, KPND Putrajaya	38
2	Kursus <i>Access To Retail: Integrated Product Development</i> (Siri I)	26-28 April 2024 (Jumaat-Ahad)	KSL Esplanade Hotel, Klang Selangor	41
3	Kursus <i>Road To Success Business Development: Transformasi Produk PMKS Ke Pasaran Antarabangsa</i>	25 & 26 Mei 2024 (Sabtu & Ahad)	Bertam Resort, Pulang Pinang	24
4	Kursus <i>Profitable Growth: Product Costing & Pricing</i>	28-30 Jun 2024 (Jumaat-Ahad)	Royal Chulan Chalet Cherating, Pahang	48
5	Kursus <i>Access To Retail: Integrated Product Development</i> (Siri II)	12-14 Julai 2024 (Jumaat-Ahad)	Primula Hotel, Kuala Terengganu	49
6	Kursus <i>Profitable Growth: Pengurusan Logistic & Supply Chain</i>	26-28 Julai 2024 (Jumaat-Ahad)	Hotel Promenade, Kota Kinabalu, Sabah	46
7	Kursus <i>Access To Retail: Retail & Negotiation Management</i>	23-25 Ogos 2024 (Jumaat-Ahad)	Novotel Hotel, Taiping, Perak	45
8	Klinik Halal 3.0 dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)	5 September 2024 (Khamis)	Dewan Serbaguna, Aras G, KPND Putrajaya	39
9	Kursus <i>Profitable Growth: Pengurusan Stok & Inventori</i>	13-15 September 2024 (Jumaat-Ahad)	Hotel Perdana, Kota Bharu, Kelantan	45
10	Kursus <i>Road To Success Business Development: Pengurusan Pembungkusan, Pelabelan & Kewangan Produk PMKS</i>	26-27 Oktober 2024 (Sabtu-Ahad)	Hatten Hotel, Melaka	45
Jumlah				420

PROGRAM LATIHAN PEMBANGUNAN PERNIAGAAN



10

Sebanyak 10 siri latihan dilaksanakan pada tahun 2024



420

Penyertaan oleh 420 Syarikat PMKS



4

4 jenis modul perniagaan yang berbeza iaitu;

- i) Access to Retail;
- ii) Profitable Growth;
- iii) Transformasi Produk PMKS ke Pasaran Antarabangsa; dan
- iv) Pengurusan Pembungkusan, Pelabelan & Kewangan

PELAKSANAAN PROGRAM PADANAN PERNIAGAAN TAHUN 2024

Bil	Program	Tarikh	Tempat	Penyertaan Buyer/Panel	Penyertaan (Syarikat PMKS)
1	Sesi Padanan Perniagaan Siri 1/2024 bersempena Program Sehari Bersama PMKS	28 Februari 2024 (Rabu)	Dewan Serbaguna, Aras G, KPDN Putrajaya	10	38
2	Sesi Padanan Perniagaan Siri 2/2024	27 April 2024 (Sabtu)	KSL Esplanade Hotel, Klang Selangor	9	28
3	Sesi Padanan Perniagaan @ Lulu Hypermarket	28 Mei 2024 (Jumaat)	Lulu Hypermarket, Kuala Lumpur	1	56
4	Sesi Padanan Perniagaan Siri 3/2024	14 Julai 2024 (Sabtu)	Primula Hotel, Terengganu	10	51
5	Sesi Padanan Perniagaan Siri 4/2024	25 Ogos 2024 (Ahad)	Novotel, Taiping Perak	11	52
6	Sesi Padanan Perniagaan bersempena Program MADANI Rakyat Zon Sabah 2024	18-19 Oktober 2024 (Jumaat-Sabtu)	Pekarangan Kompleks Sukan Likas, Kota Kinabalu Sabah	6	45
Jumlah				270	

PROGRAM PADANAN PERNIAGAAN



6

Siri

6 siri padanan
perniagaan dilaksanakan
pada tahun 2024



270

Syarikat

Penyertaan oleh 270
syarikat PMKS



25

Buyer/Pasaraya

Penglibatan oleh 25
buyer/pasaraya



103 SKU

17 JENAMA

103 SKU daripada
17 jenama berjaya
menembusi pasaran
peruncitan



PROGRAM PADANAN PERNIAGAAN



PROGRAM SEHARI BERSAMA PMKS



Program Sehari Bersama PMKS telah diadakan pada 28 Februari 2024 yang telah dihadiri oleh YB Timbalan Menteri KPDN. Program ini merangkumi pelbagai aktiviti melibatkan PMKS seperti aktiviti jualan, padanan perniagaan, pemeran Agensi, *pocket talk* serta sesi temu santai di antara Bahagian Pembangunan Perniagaan (BPP) dan PMKS.

BAHAGIAN PEMBANGUNAN JUALAN LANGSUNG (BPJL)

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) adalah selaku *regulator* di bawah Akta Jualan Langsung dan Skim Anti Piramid 1993 [Akta 500], di mana Bahagian Pembangunan Jualan Langsung (BPJL) bertanggungjawab dalam memproses dan memberi lesen jualan langsung dengan kelulusan oleh YBhg. Dato' Seri Ketua Setiausaha (KSU) KPDN selaku Pengawal Lesen Jualan Langsung.

Pada tahun 2024, bahagian ini telah mengadakan Majlis Penyerahan Lesen Jualan Langsung, Sesi Libat Urus Bengkel Pemurnian Pindaan Akta [Akta 500] dan Lawatan Penanda Aras Industri Jualan Langsung bagi memacu gerak kerja yang progresif dan produktif bagi memastikan industri jualan langsung yang lebih mampan, berjaya dan berdaya saing di peringkat domestik mahupun global.

Bengkel Pindaan Akta Bilangan 1, 2 dan 3 Tahun 2024

Beberapa siri bengkel pindaan Akta 500 telah dilaksanakan sepanjang tahun 2024 melibatkan kumpulan Pengurusan Tertinggi KPDN, Bahagian, KPDN Negeri, Agensi di bawah

KPDN, termasuklah wakil-wakil daripada persatuan jualan langsung untuk menambah baik serta memperhalusi proses pindaan akta.

Penganjuran bengkel ini adalah merupakan kesinambungan terhadap keperluan pindaan terhadap seksyen-seksyen utama Akta 500, dalam menyokong pembangunan dan pertumbuhan dinamik industri jualan langsung sebelum diangkat bagi tujuan semakan pelaksanaan perubahan regulatori oleh *Regulatory Impact Analysis* (RIA), Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC); serta semakan perundangan daripada Jabatan Peguam Negara (AGC). Seterusnya draf baharu pindaan Akta 500 akan diangkat kepada Jemaah Menteri sebelum dibentangkan di Parlimen Malaysia kelak.

Ia juga bertujuan untuk **memperkuh pengawalseliaan KPDN** secara khusus di bawah peruntukan Akta 500 serta peraturan dan garis panduan yang berkuat kuasa dalam memastikan peranan KPDN sebagai Kementerian tunggal (tidak bertindih dengan mana-mana fungsi Kementerian lain) yang bertanggungjawab dalam memantau dan memajukan industri jualan langsung.



Majlis Penyerahan Lesen Jualan Langsung

Majlis Penyerahan Lesen Jualan Langsung merupakan program tahunan di bawah BPJL. Penganjuran majlis ini adalah merupakan sesi libat urus bersama dengan pihak industri melibatkan penyerahan rasmi Lesen Jualan Langsung kepada syarikat jualan langsung di Malaysia, yang disempurnakan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup atau Ketua Setiausaha selaku Pengawal Jualan Langsung di bawah Akta Jualan Langsung dan Skim Anti-Piramid 1993 [Akta 500] atau mana-mana Pegawai Pengurusan Tertinggi Kementerian.

Majlis ini merupakan medium untuk mengeratkan hubungan kerja di antara para pemegang taruh dan juga menjadi wadah bagi menzahirkan manifestasi, komitmen dan usaha KPDN dalam membangun dan mengembangkan industri jualan langsung di negara ini.

Antara program yang telah disediakan termasuklah advokasi, perkongsian maklumat antara agensi, pameran, jualan dan demonstrasi produk dari syarikat-syarikat jualan langsung.



Program Kerja Rasmi Penanda Aras Prestasi Industri Jualan Langsung ke Korea Selatan

Diadakan di Seoul, Korea Selatan pada 28 Julai hingga 2 Ogos 2024, objektif utama lawatan penanda aras ke Seoul, Korea Selatan diadakan adalah untuk mendalami proses dan kaedah strategik pemasaran serta persaingan syarikat-syarikat jenama tempatan yang mampu mencapai serta mengekalkan prestasi di Korea Selatan dan di serata dunia. Delegasi KPDN telah diketuai oleh YBhg. Dato' Seri KSU KPDN yang turut disertai oleh pegawai daripada Bahagian Pembangunan Jualan Langsung.

Perjumpaan dengan rakan sejawat di Korea Selatan dilihat dapat menambahbaik pengurusan tadbir urus yang digunakan untuk menilai kualiti dan prestasi penghasilan produk dan perkhidmatan syarikat jualan langsung tempatan dalam mematuhi standard khusus di pasaran global.

Ini juga merupakan kerjasama strategik di antara KPDN selaku *regulator* kepada Akta 500 dengan pihak Kerajaan serta persatuan jualan langsung di Korea Selatan dalam memperkasakan amalan dan tatacara pengurusan industri jualan langsung di Malaysia dengan mencontohi praktis amalan terbaik yang dilaksanakan oleh negara-negara lain.



Statistik Jualan Langsung 2024



418

syarikat aktif
keseluruhan
sehingga 1 Januari 2025


- Multi Level
- Single Level
- Mail Order
- Single Level & Mail Order

359 syarikat MLM

41 syarikat SLM

11 syarikat MO

7 syarikat SLM&MO



Simposium Peraturan Dan Penguatkuasaan Jualan Langsung, China

Kerajaan Malaysia melalui KPDN sekali lagi telah dipilih sebagai salah sebuah negara yang menjadi panel *speaker* di Simposium Peraturan dan Penguatkuasaan Jualan Langsung bertempat di Shanghai, China untuk membincangkan peranan kerajaan dalam industri jualan langsung secara menyeluruh. Ini juga merupakan satu bentuk kerjasama serantau sempena Ulang Tahun Ke-50 Hubungan Diplomatik antara China dan Malaysia, sebagai persediaan dalam mewujudkan kerjasama yang melibatkan pemasaran berbilang tingkat (MLM) serta pencegahan skim piramid melalui peraturan yang lebih tegas.

YBhg. Dato' Rohaizi bin Bahari, Pengarah Kanan, Sektor Perdagangan Pengedaran dan Perniagaan (SDTP) dijemput sebagai panel *speaker* mewakili Kerajaan Malaysia dalam sesi panel perbincangan bersama wakil-wakil jabatan kerajaan pada 13 hingga 17 Oktober 2024 untuk berkongsi pengalaman dan

mempelajari amalan terbaik dari pelbagai negara berkaitan pembangunan dan pengawalseliaan industri jualan langsung. Turut dibincangkan ialah bentuk kerjasama dengan kerajaan negara serantau untuk tujuan penambahbaikan pengurusan tadbir urus serta meningkatkan pembangunan industri jualan langsung, perdagangan dalam negeri dan penguatkuasaan di Malaysia.

Dalam program yang sama, delegasi KPDN turut mengadakan lawatan kerja ke syarikat jualan langsung jenama PRC yang telah mengukuhkan prestasinya di Malaysia dan lain-lain syarikat jualan langsung tempatan di PRC.



Laporan Data Statistik Jualan Langsung Global Tahun 2023 Diterbitkan oleh World Federation of Direct Selling Association (WFDSA) pada Ogos 2024



SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM)

Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) mula beroperasi pada 16 April 2002. SSM merupakan badan berkanun yang ditubuhkan hasil daripada penggabungan Pejabat Pendaftar Syarikat (ROC) dengan Pejabat Pendaftar Perniagaan (ROB) di Malaysia. Aktiviti utama SSM ialah memperbadankan syarikat dan mendaftarkan perniagaan serta perkongsian liabiliti terhad di samping membekalkan

maklumat syarikat, perkongsian liabiliti terhad dan perniagaan kepada orang awam. Sebagai peneraju utama ke arah peningkatan tahap tadbir urus korporat, SSM juga melaksanakan fungsi mengawal selia melalui aktiviti penguatkuasaan dan pemantauan yang komprehensif bagi memastikan perkembangan positif sektor korporat dan perniagaan domestik.

PENCAPAIAN UTAMA SSM TAHUN 2024


Persidangan Kebangsaan SSM 2024

Persidangan Kebangsaan SSM kali ke-13 dengan tema ‘*Enhancing Corporate Transparency. Building Resilience.*’ telah diadakan pada 27 hingga 28 Ogos 2024. Persidangan ini dianjurkan secara maya buat kali ke empat sejak mula diperkenalkan pada tahun 2011. Persidangan ini yang juga dikenali sebagai SSM *National Conference* 2024 (SSMNC 2024) telah dirasmikan oleh YB Datuk Armizan Mohd Ali, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup.

SSMNC 2024 ini telah dihadiri oleh 3,213 delegasi mewakili sektor awam dan korporat iaitu lembaga pengarah, setiausaha syarikat, pengamal undang-undang, ahli ekonomi dan kewangan, ahli akademik dan

pihak berkepentingan termasuk ahli-ahli *Corporate Registers Forum* dari Singapura, Hong Kong, Tunisia, Republic of Kiribati serta Afrika Selatan.

Statistik jumlah peserta Persidangan Kebangsaan SSM dari tahun 2019 hingga 2024



*bilangan peserta



**Jumlah pendaftaran dalam
tempoh 1 Januari 2024
sehingga 31 Disember 2024**

343,557
Perniagaan

4,016
Perkongsian Liabiliti Terhad

55,595
Syarikat



**Jumlah pendaftaran
sehingga 31 Disember 2024**

9,344,360
Perniagaan

41,476
Perkongsian Liabiliti Terhad

1,590,141
Syarikat

Tema bagi SSMNC 2024 menekankan keperluan kritikal untuk mewujudkan persekitaran perniagaan yang bukan sahaja telus tetapi juga bertanggungjawab. Ketelusan bukan sekadar satu kewajipan pematuhan tetapi juga merupakan komponen strategik yang penting dalam membina daya tahan dan keberkesanan jangka panjang dalam landskap perniagaan yang semakin kompleks. Matlamat utama

persidangan ini adalah untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan mengenai amalan terbaik korporat di samping membincangkan perkembangan terkini dalam perundangan yang mempengaruhi perniagaan di Malaysia. Persidangan selama dua (2) hari ini melibatkan 39 penceramah, ahli panel dan moderator yang terdiri daripada pelbagai latar belakang serta industri bagi 11 sesi plenari seperti berikut:

Sesi	Tajuk
Plenary 1	<i>Fireside Chat - Companies (Amendment) Act 2024: Unmasking Control. Beneficial Ownership Transparency and Implementation</i>
Plenary 2	<i>Fireside Chat - Companies (Amendment) Act 2024: Enhancing Corporate Governance</i>
Plenary 3	<i>Companies (Amendment) Act 2024: Strengthening Corporate Rehabilitation Framework</i>
Plenary 4	<i>How Boards as Stewards Can Drive Business Resilience Through Transparency</i>
Plenary 5	<i>Accelerating Digital Economy for SMEs</i>
Plenary 6	<i>Building Corporate Resilience in A Disruptive AI Future</i>
Plenary 7	<i>Bursa Malaysia Regulatory Updates and SME X Platform</i>
Plenary 8	<i>Revolutionizing Business Operations in Malaysia with Mandatory Electronic Invoicing</i>
Plenary 9	<i>Leveraging on Digital Solutions to Facilitate Good Governance Practices and Enhance Competitiveness</i>
Plenary 10	<i>AML/CFT Compliance - Fostering Corporate Transparency</i>
Plenary 11	<i>SSM Talks: Malaysian Business Reporting System (MBRS) Updates, Audit Exemption Criteria for Private Companies in Malaysia, Limited Liability Partnerships (Amendment) Act 2024 and SSM Customer Care (SSMCC)</i>

Persidangan ini juga memberikan peluang kepada perwakilan untuk melawat pameran secara maya (virtual exhibition booth). Sebanyak 15 pempamer telah menyertai dan memeriahkan pameran maya ini.




Akta Syarikat (Pindaan) 2024

Akta Syarikat 2016 telah dipinda melalui Akta Syarikat (Pindaan) 2024 (Akta A1701) bagi tujuan menyokong perkembangan ekonomi dan mempertingkatkan ketelusan ekosistem korporat di Malaysia dengan menambahbaik kerangka perundangan sedia iaitu mekanisme penyelamat korporat, pelaporan pemunyaan benefisial dan tadbir urus korporat. Antara aktiviti yang dijalankan bagi tujuan pembentangan dan kelulusan di Parlimen adalah sesi taklimat kepada Ahli-Ahli

Dewan Rakyat dan Dewan Negara dan sesi pembentangan di Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Perdagangan Dalam Negeri Keusahawanan, Kos Sara Hidup dan Pertanian. Akta A1701 ini telah diluluskan di Parlimen pada tahun 2023 dan mendapat perkenan diraja pada 24 Januari 2024. Akta A1701 dikuatkuasakan secara berfasa untuk memastikan perundangan subsidiari yang berkaitan dipinda dan sistem yang berkaitan dibangunkan dan ditambah baik.

Fasa 1	Tarikh Kuatkuasa	Pindaan/Penambahbaikan
1	1 April 2024	Fasa pertama Akta A1701, kesemua seksyen telah dikuatkuasakan kecuali seksyen 4, 14, 26 dan 28.
2	30 November 2024	Seksyen 4 dan 26 merujuk kepada seksyen 68 dan 576 Akta Syarikat 2016, mengenai keperluan untuk menyerah simpan maklumat pemunya benefisial dalam penyata tahunan melalui <i>Malaysian Business Reporting System</i> (MBRS). Seksyen 28 pula merujuk kepada seksyen 612A Akta Syarikat 2016 bagi memperuntukkan laman sesawang SSM sebagai platform alternatif untuk mengiklankan maklumat yang biasanya diiklan dalam surat khabar.
3	Suku pertama 2025	Akta A1701 untuk seksyen 14 merujuk kepada Seksyen 395 Akta Syarikat 2016, melibatkan pindaan bagi meluaskan pemakaian perkiraan sukarela korporat kepada semua syarikat termasuk syarikat yang mempunyai gadaian.



Akta Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2024

Selari dengan pindaan yang dibuat ke atas Akta Syarikat 2016 melalui Akta Syarikat (Pindaan) 2024 [Akta A1701], pindaan berkaitan peruntukan yang sama juga telah diperkenalkan ke atas Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 melalui Akta Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2024 (Akta A1728). Antara aktiviti yang dijalankan bagi tujuan pembentangan dan kelulusan di Parlimen adalah sesi pembentangan di Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas pada Jun 2024 dan sesi taklimat kepada Ahli-Ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara Kerajaan


pada Julai 2024. Akta A1728 ini telah diluluskan di Parlimen pada 31 Julai 2024 dan mendapat perkenan diraja pada 9 Oktober 2024. Penguatkuasaan Akta A1728 ini akan dilakukan secara berperingkat di mana Fasa Pertama berkaitan pengiklanan di laman sesawang SSM dan peruntukan berkaitan pemunya benefisial dijangka dikuatkuasakan pada suku pertama 2025 diikuti dengan Fasa Kedua berkaitan skim penyelamat korporat (Pengurusan Kehakiman dan perkiraan sukarela korporat) dijangka berkuatkuasa pada suku ke-4 tahun 2025.



SSM adakan Sesi Penerangan Rang Undang-Undang Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2024 di Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Perdagangan Dalam Negeri, Keusahawanan, Kos Sara Hidup dan Pertanian, Parlimen Kelima Belas 2024 pada 20 Mac 2024



Sesi Taklimat Rang Undang-Undang Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2024 di Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Semakan Undang-Undang Dewan Negara yang berlangsung di Parlimen pada 20 Jun 2024



Sesi fotografi bersama YB Senator Puan Hajah Fuziah Salleh, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup selepas Rang Undang-Undang Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2024 diluluskan di Dewan Negara pada 31 Julai 2024



Gambar sepanjang Majlis Perasmian Menara Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) Perak pada 24 September 2024

Majlis Perasmian Menara Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) Perak

Pada 24 September 2024, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) berjaya melakar satu lagi pencapaian dengan perasmian bangunan pejabat baharu miliknya di Negeri Perak, dalam usaha memperkukuh dan memperluas penyampaian perkhidmatan kepada komuniti korporat di negeri ini.

Bertempat di Jalan Basco Kepayang, Ipoh, Menara SSM Perak telah disempurnakan perasmiannya oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah.

Bangunan SSM serba moden seluas 175,853 kaki persegi ini dilengkapi dengan pelbagai kemudahan termasuk parkir, kedai serbaneka, kafe, surau, serta kawalan keselamatan 24 jam. Menara SSM Perak ini turut berada di lokasi yang strategik berhampiran pejabat-pejabat kerajaan dan agensi, medan selera, hotel, fasiliti sukan, serta pelbagai kemudahan lain yang memudahkan akses dan urusan pelbagai pihak.

Turut berangkat bercemar duli ke majlis Perasmian Menara SSM Perak adalah Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim dan Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perak Darul Ridzuan, Raja Jaafar Ibni Almarhum Raja Muda Musa.

PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA (MYIPO)

Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) telah ditubuhkan pada 3 Mac 2003 dengan berkuatkuasanya Akta Perbadanan Harta Intelek Malaysia 2002. MyIPO adalah sebuah Agensi di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), yang berfungsi sebagai badan berkuasa utama dalam hal ehwal pengurusan dan perlindungan harta intelek di Malaysia. Ditubuhkan dengan tujuan untuk memacu kemajuan dan inovasi negara, MyIPO bertanggungjawab dalam pelaksanaan dasar-dasar berkaitan harta intelek serta menyediakan perkhidmatan yang berkaitan dengan pendaftaran dan perlindungan harta intelek seperti paten, cap dagangan, reka bentuk perindustrian, hak cipta, petunjuk geografi dan reka bentuk susun atur litar bersepadu.

Sebagai peneraju dalam bidang harta intelek, MyIPO bertindak untuk mempromosikan kesedaran mengenai kepentingan perlindungan harta intelek di kalangan rakyat Malaysia, serta membantu pemilik perniagaan, usahawan, dan penyelidik

untuk melindungi hak harta intelek mereka. Melalui pelbagai inisiatif dan program, MyIPO berusaha untuk menyokong perkembangan industri kreatif dan inovasi, sekali gus menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. MyIPO juga memainkan peranan penting dalam memperkukuh kerjasama antarabangsa melalui penglibatan dalam pelbagai perjanjian dan forum global berkaitan harta intelek, seperti Pertubuhan Harta Intelek Dunia (WIPO). Ini membolehkan Malaysia kekal kompetitif di pentas global dan memastikan hak-hak harta intelek diiktiraf serta dilindungi di peringkat antarabangsa.

Dengan komitmen untuk menyediakan perkhidmatan yang berkualiti dan efektif, MyIPO terus berusaha untuk memperbaiki sistem perlindungan harta intelek di Malaysia, serta membantu individu dan organisasi untuk mengurus dan memanfaatkan harta intelek mereka dengan lebih baik.

PENCAPAIAN UTAMA MyIPO TAHUN 2024

1) Sambutan Hari Harta Intelek Negara (HHIN) 2024: Harta Intelek Nadi Malaysia MADANI

Sambutan Hari Harta Intelek Negara (HHIN) 2024 telah diadakan pada 24 hingga 26 April 2024, bersempena Hari Harta Intelek Sedunia. Kemuncak acara ini adalah Majlis Anugerah Harta Intelek Negara 2024 yang dirasmikan oleh YB Datuk Armizan Mohd Ali, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup.



Bertemakan “*Harta Intelek Nadi Malaysia MADANI*”, sambutan ini menekankan peranan harta intelek dalam memacu pembangunan negara yang berteraskan budaya dan inovasi. Majlis ini mengiktiraf pencipta, pereka cipta, dan organisasi yang menyumbang kepada penghasilan harta intelek yang memberi manfaat kepada masyarakat dan negara.

Sebanyak 260 penyertaan diterima dalam pelbagai kategori pertandingan, melibatkan individu, syarikat swasta, badan kerajaan, institusi pendidikan, dan syarikat multinasional. Anugerah Platinum, pengiktirafan tertinggi di bawah kategori Pembangunan Lestari Harta Intelek, dianugerahkan kepada Petrolim Nasional Berhad (PETRONAS) atas usaha inovasi lestari mereka.

Sambutan ini menjadi platform penting dalam memperkukuh kesedaran tentang perlindungan harta intelek dan peranannya sebagai pemangkin kemajuan Malaysia MADANI.



2) Portal IPR Marketplace 2.0: Platform e-Dagang untuk Pemilik Harta Intelek Luaskan Pasaran

Pada 18 Januari 2024, MyIPO telah melancarkan Portal IPR *Marketplace* 2.0, sebuah platform e-dagang inovatif yang membuka peluang lebih luas kepada pemilik harta intelek untuk memasarkan dan mengkomersialkan aset harta intelek mereka. Sebagai salah satu negara terawal di ASEAN yang memperkenalkan inisiatif ini sejak 2014, Malaysia terus menunjukkan komitmen dalam memperkasa ekosistem harta intelek melalui penambahbaikan portal ini.

Versi terkini Portal IPR *Marketplace* membolehkan pemilik harta intelek berhubung secara langsung dengan pihak yang berminat untuk menjalankan pelesenan, francais, atau urusan jual beli. Selain itu, portal ini turut menawarkan akses kepada perkhidmatan *IP Valuer* bertauliah, memastikan penilaian harta intelek dilakukan secara profesional dan selari dengan keadaan pasaran semasa. Setakat ini, 60 organisasi telah menyertai portal ini, dengan 212 harta intelek berdaftar disiarkan.



3) Majlis Sentuhan Kasih MADANI: Langkah Memperkasa Pengurusan Royalti

Majlis Sentuhan Kasih MADANI anjuran KPDN memberi tumpuan kepada isu-isu yang dihadapi oleh penggiat seni, terutamanya dalam pengagihan royalti dan tadbir urus Organisasi Pengurusan Kolektif (CMO). Dalam majlis ini, MyIPO mengambil langkah untuk mendengar aduan daripada para penggiat seni dan membincangkan cadangan penambahbaikan pengurusan royalti, termasuk penubuhan badan kutipan tunggal seperti 1CMOs untuk meningkatkan kecekapan dan ketelusan.

Sebagai agensi yang bertanggungjawab, MyIPO memainkan peranan penting dalam memantau dan memperkemarkan pengurusan CMO. Dalam usaha meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti, MyIPO akan diberi kuasa melalui Garis Panduan Pengoperasian CMO yang dijangka dilancarkan pada April

2025. Langkah ini menunjukkan komitmen KPDN dan MyIPO untuk memperkasa pengurusan royalti serta memperkukuh perlindungan hak cipta bagi penggiat seni di Malaysia.



4) WIPO Alert: Platform Penguatkuasaan Harta Intelekt

Malaysia secara rasminya menyertai pangkalan data WIPO Alert Data Sharing Platform yang dikendalikan oleh Pertubuhan Harta Intelekt Dunia (*World Intellectual Property Organization - WIPO*), sebuah agensi di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN).

Majlis menandatangani Surat Persefahaman (LoU) antara MyIPO dan WIPO berlangsung di ibu pejabat WIPO di Geneva, Switzerland, pada 12 September 2024. Sesi ini disaksikan oleh YB Datuk Armizan Mohd Ali, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, menandakan komitmen Malaysia dalam memperkasakan penguatkuasaan harta intelek negara di era digital.

Platform ini membolehkan agensi penguatkuasaan memantau dan mengambil tindakan terhadap laman sesawang yang melanggar hak cipta, seterusnya memperkukuhkan usaha negara dalam menangani pelanggaran hak cipta. Malaysia

kini bersama 14 negara lain yang telah menyertai platform ini. Ia bukan sahaja memudahkan penguatkuasaan tetapi juga memerangi cetak rompak digital dan melindungi pemilik harta intelek di platform digital, sekaligus memastikan integriti pasaran digital.



5) Program *Intellectual Property Management Clinic* (IPMC): Memperkasa PKS Melalui Pengurusan Harta Intelek

Program bimbingan IPMC, hasil kerjasama WIPO dan MyIPO, memberi peluang kepada 30 syarikat PKS untuk meningkatkan keupayaan mereka dalam pengurusan harta intelek. IPMC di Sabah telah diadakan pada 21 hingga 25 Oktober 2024 dan dirasmikan oleh YBhg. Dato' Seri Mohd Sayuthi Bakar, Ketua Setiausaha, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN). Program ini menekankan bimbingan intensif dalam aspek seperti strategi pengkomersialan, pelesenan, dan penjenamaan, dengan tema "*Leveraging IP in Support of Growth and Globalization of the Food & Beverage and Hospitality Sectors.*"

Program ini disertai oleh 17 syarikat dari Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) tempatan, bertujuan memberi panduan tentang pengurusan harta intelek untuk melindungi serta mengoptimalkan aset IP mereka. Fokus utama adalah untuk memperkukuh kedudukan PKS di pasaran tempatan sambil membuka peluang untuk meneroka pasaran serantau dan antarabangsa.

Program IPMC di Kuala Lumpur pula telah diadakan pada 2 hingga 6 Disember 2024, dengan penyertaan sebanyak 30 syarikat. Program ini memberi tumpuan kepada sektor-sektor utama seperti pembuatan, teknologi, dan sektor berasaskan jenama termasuk makanan & minuman, kosmetik, serta fesyen.

Sepanjang tempoh empat bulan, peserta menerima bimbingan intensif daripada pakar-pakar industri mengenai pengurusan harta intelek, termasuk strategi pengkomersialan, pelesenan, dan penjenamaan.

PKS yang terpilih kebanyakannya sudah melakar nama di Malaysia dan bersedia untuk membawa jenama mereka ke peringkat global. Program ini dirancang untuk memperkasakan PKS dalam melindungi dan mengoptimalkan aset harta intelek mereka, menjadikan IP sebagai pemacu utama pertumbuhan perniagaan yang mampan dan kompetitif.



6) Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) dan Memorandum Kerjasama (MOC)

MOU - MyIPO dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

6 November 2024 – MoU ini telah ditandatangani antara MyIPO dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi memperkukuh kerjasama strategik dalam bidang pendidikan harta intelek. MoU ini bertujuan memperkenalkan modul pendidikan harta intelek kepada warga pendidik dan pelajar bagi membentuk generasi yang lebih peka terhadap perlindungan dan hak harta intelek.

Melalui MoU ini, modul khas berkaitan harta intelek akan dibangunkan sebagai Elemen Merentas Kurikulum (EMK) dan dimasukkan ke dalam kurikulum sekolah. Modul ini direka agar mudah difahami, dengan matlamat untuk membina asas pengetahuan yang kukuh dalam kalangan pelajar mengenai konsep harta intelek. Perjanjian ini telah ditandatangani oleh YBhg. Datuk Haji Ruji Haji Ubi, Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia dan YBrs. Tuan Kamal Kormin, Ketua Pengarah MyIPO. Sesi ini turut disaksikan oleh YB Fadhlin Sidek, Menteri Pendidikan dan YB Datuk Armizan Mohd Ali Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup.



MOU - MyIPO & FAMA

25 April 2024 – MoU ini merupakan langkah berterusan dalam memperkuat kerjasama antara MyIPO dan FAMA untuk membantu usahawan-usahawan di bawah FAMA memahami kepentingan perlindungan harta intelek dalam proses pembangunan produk atau perkhidmatan.




SEMINAR IP VALUATION



MOU - MyIPO & Agency for Cultural Affairs of Japan (ACA)

28 Oktober 2024 – MoU ini merupakan langkah berterusan dalam memperkuat kerjasama antara MoC ini bertujuan untuk mewujudkan satu rangka kerja umum bagi kerjasama dua hala antara kedua-dua pihak mengenai hak cipta melalui pertukaran maklumat dan aktiviti bina upaya. Melalui kerjasama ini, kedua-dua pihak berusaha untuk memperkukuhkan perlindungan hak cipta, menyokong industri kreatif, serta memacu inovasi dan kreativiti.



MOU - Program Technology and Innovation Support Center (TISC)

9 Disember 2024 – MyIPO & UNIMAS - MoU ini menandakan langkah penting ke arah melahirkan penyelidik dan pelajar yang lebih cakna tentang perlindungan harta intelek, sekali gus menyumbang kepada pertumbuhan inovasi negara.

10 Disember 2024, MyIPO & Universiti Curtin - Dengan penyertaan Universiti Curtin, program ini dijangka terus memacu inovasi serta meningkatkan kesedaran dalam kalangan penyelidik dan pelajar mengenai kepentingan perlindungan dan pengurusan harta intelek, sekaligus menyumbang kepada pembangunan ekonomi dan daya saing negara.



MOU - MyIPO & Intellectual Property Office of Singapore (IPOS)

18 Disember 2024 – MoU ini berkaitan *Patent Prosecution Highway* (PPH) bertujuan memperluaskan jaringan antara MyIPO dan IPOS, memberikan manfaat kepada pemohon paten di Malaysia dan Singapura, serta mengukuhkan hubungan diplomatik dalam bidang harta intelek antara kedua-dua negara.







Daya Upaya dan Advokasi Kepenggunaan

Bahagian Gerakan Kepenggunaan (BGK)

Bahagian Standard Kepenggunaan (BSK)

Bahagian Penyelidikan dan Dasar Kepenggunaan (BPDK)

Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM)

Tribunal Rayuan Persaingan (TRP)

BAHAGIAN GERAKAN KEPENGGUNAAN (BGK)

Tiga (3) peranan utama Bahagian Gerakan Kepenggunaan (BGK)



Perlindungan Pengguna



Latihan



Advokasi Kepenggunaan

Bahagian Gerakan Kepenggunaan (BGK) merupakan satu bahagian teras di kementerian yang bertanggungjawab melaksanakan aktiviti kesedaran kepenggunaan serta perlindungan pengguna dan terbahagi kepada tiga (3) peranan utama, iaitu Perlindungan Pengguna, Latihan dan juga Advokasi Kepenggunaan. Aktiviti dan program yang dilaksanakan oleh BGK bertujuan meningkatkan kesedaran dan pendayupayaan pengguna melalui

latihan dan pendidikan kepenggunaan serta penyediaan sumber maklumat yang berkaitan.

Program kepenggunaan yang dijalankan ini merangkumi pelbagai peringkat umur dan melibatkan pelbagai lapisan masyarakat. Penglibatan pelajar sekolah dan universiti secara tidak langsung dapat membangunkan gerakan kepenggunaan yang lebih berkesan.

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

1) Sambutan Festival Pengguna Kebangsaan (CONFEST) 2024

Tema bagi sambutan CONFEST 2024 ialah “Kuasa Pengguna: Mendeapani Realiti Zaman” telah dilaksanakan pada 12 hingga 14 Julai 2024 di Stadium Indera Mulia, Ipoh, Perak. Majlis Perasmian Penutup bagi CONFEST 2024 telah disempurnakan oleh YB Datuk Armizan Mohd Ali, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup.

Objektif CONFEST 2024 adalah bagi mempertingkatkan kesedaran tentang kepenggunaan kepada masyarakat, mewujudkan pengguna yang bermaklumat, bijak dan bertanggungjawab serta melahirkan pengguna yang memahami dan mengaplikasikan lapan (8) Hak Pengguna dalam kehidupan seharian.

Pelaksanaan CONFEST 2024 ini melibatkan aktiviti seperti:

1. Pertandingan Peringkat Kebangsaan seperti *Choral Speaking*, *Sketsa*, *Fesyen Kepenggunaan*, *Battle Of The Band*, *Cabaran Troli Pengguna* dan *Sorakan Perang (War Cry)*



2. Anugerah Penggerak Kepenggunaan

Penyertaan adalah seramai 10,351 orang peserta dan orang awam terdiri daripada Pelajar Institusi Pengajian Tinggi, agensi Kerajaan, Badan Bukan Kerajaan (NGO), Individu Bukan Kerajaan (NGI), pemain industri, ahli akademik dan wakil media.



2) Himpunan Perdana Kelab Pengguna Sekolah (KPS) Peringkat Kebangsaan Tahun 2024


Himpunan Perdana Kelab Pengguna Sekolah (KPS) Peringkat Kebangsaan Tahun 2024 telah diadakan pada 8 hingga 10 September 2024 bertempat di Bella Vista Waterfront Langkawi, Kedah. Himpunan Perdana KPS telah dihadiri seramai 64 orang pelajar dan 16 orang guru daripada 16 buah sekolah.

Elemen *Human Governance* telah diterapkan di dalam Himpunan Perdana KPS 2024, antaranya:

1. Pendidikan kepenggunaan dalam aspek perlindungan pengguna, pengurusan kewangan berhemah, kelestarian alam sekitar dan pemakanan sihat
2. Memupuk semangat kerja berpasukan, keyakinan diri yang tinggi dan sifat berdikari
3. Kesedaran kepentingan hak sebagai pengguna dan menjadi ejen penggerak kepenggunaan kepada pengguna yang lain.

Antara pengisian Himpunan Perdana KPS 2024 adalah:

1. Cabaran Interaktif Pengguna Kelab Pengguna Sekolah Peringkat Kebangsaan
2. Kuiz Kahoot Kepenggunaan
3. Sesi Perkongsian Ilmu



3) Majlis Perdana Gerakan Pengguna Siswa (MPGPS) 2024

MPGPS 2024 telah diadakan di UTM Hotel & Residence, Kuala Lumpur pada 17 hingga 19 November 2024 yang dirasmikan oleh YB Datuk Armizan Mohd Ali, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup. MPGPS 2024 telah dihadiri seramai 268 orang peserta daripada 134 Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Sebanyak 134 Aku Janji Kempen KITA G.E.M.P.U.R telah ditandatangani oleh 134 peserta MPGPS yang mewakili setiap IPT yang hadir.

Objektif pelaksanaan MPGPS 2024 bertujuan untuk pelajar-pelajar IPT saling bekerjasama, bantu membantu dan berkongsi sumber dalam melaksanakan aktiviti dan mencapai matlamat yang telah dipersetujui bersama dalam hal-hal kepenggunaan.

MPGPS 2024 merangkumi program-program seperti berikut:

1. Pertandingan Video Kreatif Mahasiswa: Kita G.E.M.P.U.R
2. Taklimat oleh Sektor Barang Kawalan dan Subsidi, KPDN dan SSM
3. Kuiz Kahoot Kepenggunaan



BAHAGIAN STANDARD KEPENGGUNAAN (BSK)

Bengkel Pembangunan Dasar Pengukuhan Pematuhan Standard Keselamatan Barangan Pengguna Peringkat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) di Hotel Corus, Kuala Lumpur

BSK telah menganjurkan Bengkel Pembangunan Dasar Pengukuhan Pematuhan Standard Keselamatan Barangan Pengguna peringkat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) di Hotel Corus, Kuala Lumpur dari 22 hingga 24 November 2024. Seramai 35 orang peserta dari pelbagai jabatan dan

agensi kerajaan yang mengawal selia industri berkaitan kepenggunaan hadir ke bengkel tersebut. Antara pengisian utama ialah perkongsian amalan terbaik pematuhan standard keselamatan di United Kingdom ialah Ms. Zoey Dayan, Atase, *UK Mission to ASEAN* yang berpangkalan di Jakarta, Indonesia.

Objektif utama bengkel ini adalah untuk mendapatkan pandangan dan maklum balas mengenai ekosistem dan pematuhan standard keselamatan barangan pengguna di Malaysia.

Perasmian disempurnakan oleh YBhg. Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar, Ketua Setiausaha KPDN, pada 23 November 2024.



Penglibatan Bahagian Standard Kepenggunaan Dalam Mesyuarat Tahunan *International Organization for Standardization Committee on Consumer Policy (ISO COPOLCO) and Related Events* di Nairobi, Kenya

Mesyuarat ke-45 *International Organization for Standardization Committee on Consumer Policy (ISO COPOLCO)* telah diadakan di Arygyle Grand Hotel Airport Nairobi, Kenya pada 21–23 Mei 2024 dan disertai oleh 117 orang peserta dari 47 negara. Ucapan alu-aluan telah disampaikan oleh wakil Pengarah Urusan Kenya *Bureau of Standards*, pada 22 Mei 2024.

Delegasi Malaysia yang terdiri daripada wakil KPDN iaitu YBhg. Datuk Azman bin Adam, Ketua Pengarah Penguatkuasa dan Encik Mohd Zaid bin Idris, Pengarah BSK KPDN. Penglibatan aktif Malaysia dalam ISO COPOLCO memperkukuhkan keupayaan negara dalam merancang dan melaksana dasar serta strategi standardisasi yang sejajar dengan keperluan antarabangsa.



Pemeriksaan Pematuhan Standard Keselamatan Barangan Pengguna dan Penandaan *Malaysian Conformity (MC)* di Kota Kinabalu, Sabah

Pada 27 Jun 2024, BSK dengan kerjasama Pejabat KPDN Negeri Sabah telah mengadakan pemeriksaan pematuhan standard keselamatan barangan pengguna dan penandaan MC di premis-premis perniagaan sekitar Kota Kinabalu, Sabah. Tujuan pemeriksaan ini adalah untuk melihat tahap pematuhan peniaga dan peruncit terhadap standard keselamatan barangan pengguna dan penandaan MC, khususnya mainan kanak-kanak di bawah 14 tahun dan bateri primer. Pemeriksaan turut dilakukan di Pejabat Kastam yang beroperasi di Pusat Mel Kota Kinabalu. Sepanjang pemeriksaan ini, beberapa ketidakpatuhan telah dikenalpasti, antaranya kegagalan menunjukkan surat kelulusan penandaan MC, penggunaan kod warna penandaan yang salah, penandaan

MC yang dicetak bersama tanda harga, dan pelabelan MC pada barangan bukan untuk kanak-kanak. Susulan penemuan ini, BSK akan memperincikan cadangan penambahbaikan dan mekanisme pelaksanaan untuk menyokong dasar pematuhan standard penandaan keselamatan MC secara menyeluruh.




BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN DASAR KEPENGGUNAAN (BPDK)

Simposium Kepenggunaan Malaysia 2024

Simposium Kepenggunaan Malaysia Tahun 2024 telah diadakan pada 4 Jun 2024 (Selasa) di Pusat Persidangan Antarabangsa Putrajaya (PICC), Putrajaya. Tema Simposium Kepenggunaan Tahun 2024 adalah **Lemon Law – Bersediakah Kita?** memfokuskan kepada cadangan satu bentuk perlindungan pengguna yang dikenali sebagai *Lemon Law*. *Lemon Law* adalah satu undang-undang yang menyediakan hak tebus rugi (*redress*) kepada pembeli kenderaan bermotor dan barangan pengguna lain untuk mendapatkan remedi terhadap produk yang berulang kali rosak dan gagal memenuhi standard kualiti dan prestasi.

Simposium ini menjadi titik permulaan untuk membentuk wadah kerjasama yang erat antara pelbagai pemegang taruh, termasuk wakil NGO/NGI, industri automotif, institusi kewangan, pengamal undang-undang, ahli akademik dan banyak lagi demi memantapkan perlindungan pengguna melalui pelbagai dimensi termasuk melalui perundangan berkaitan *Lemon Law* serta memupuk pasaran yang adil dan telus kepada pengguna tanpa menjejaskan industri automotif negara.



Simposium ini melibatkan penyertaan

337 orang peserta

terdiri daripada pelbagai sektor dengan tujuan mengukuhkan kerjasama agar usaha-usaha berterusan dalam menjaga hak dan kepentingan pengguna dicapai.



48

Agensi-Agensi Kerajaan



KPDN

135



15

Persatuan Industri



18

Wakil Industri/Media



89

MPPN/NGO/NGI



32

Ahli Akademik

400 peserta
 Agensi kerajaan,
 Badan Bukan
 Kerajaan (NGO),
 Individu Bukan
 Kerajaan (NGI),
 Pemain industri, ahli
 akademik dan wakil
 media.

Prakarsa Pendayaupayaan Pengguna (3P-KPDN) 2024

Prakarsa Pendayaupayaan Pengguna (3P-KPDN) 2024 telah diadakan pada 20 Februari 2024 (Selasa) di Dewan Serbaguna, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) adalah merupakan satu libat urus bersama pemegang taruh kepenggunaan. Sesi ini diadakan untuk mendapatkan dapatan dan maklum balas pihak-pihak berkepentingan dalam usaha KPDN merangka Dasar Pengguna Negara 2.0 (DPN 2.0) dan Pelan Tindakan Pengguna 2030 (PTP 2030) yang komprehensif dan inklusif.

Bagi memastikan penggubalan DPN 2.0 dan PTP 2030 yang berimpak tinggi kepada para pengguna, penambahbaikan ke atas DPN Tahun 2002 perlu dilaksanakan dengan mengambil kira peranan pemegang taruh agar ia kekal relevan seiring dengan perkembangan serta cabaran sosioekonomi semasa. Dalam penggubalan dasar-dasar ini, isu semasa serta keupayaan menjangkakan senario pengguna pada masa hadapan juga menjadi komponen utama sesi libat urus dalam memastikan kesejahteraan dan kebajikan pengguna terpelihara. Ini kerana kepelbagaian barangan dan perkhidmatan serta kecanggihan teknologi telah memberi impak perubahan kepada landskap ekonomi, strategi perdagangan dan sosial di negara ini.



ASEAN Committee On Consumer Protection (ACCP) 2024 dan Program Antarabangsa Berkaitan Kepenggunaan

Penyertaan Malaysia melalui KPDN dalam mesyuarat ACCP bersama negara-negara ASEAN adalah merupakan inisiatif negara-negara anggota untuk bekerjasama dalam meningkatkan perlindungan pengguna di peringkat serantau.

Keahlian ACCP terdiri daripada 10 buah negara anggota ASEAN iaitu Brunei Darussalam, Kemboja, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam. ACCP menjadi platform bagi negara anggota ASEAN berbincang dan bekerjasama untuk menangani isu-isu berkaitan perlindungan pengguna di rantau ASEAN.

2 kali Mesyuarat iaitu

- i. Mesyuarat ACCP ke 28 pada 20 hingga 24 Mei 2024
- ii. Mesyuarat ACCP ke 27 pada 18 hingga 22 November 2024

5 kali Bengkel/ Persidangan

1 kali kerjasama strategik dengan Organisasi Antarabangsa

Pencapaian program antarabangsa berkaitan kepenggunaan bagi tahun 2024 adalah:

i. **Program ASEAN Australia New Zealand Free Trade Area (AANZFTA) Consumer Affairs Program (CAP) Phase III (AANZFTA CAP III) Scholars Program 2024**

- Program ini telah diadakan dengan kerjasama ACCP dan ACCC di bawah AANZFTA CAP III di Melbourne Law School, University of Melbourne, Australia selama 2 minggu daripada 24 Mac 2024 hingga 5 April 2024. Program ini merangkumi kursus asas berkaitan perundangan dan penguatkuasaan perlindungan pengguna.

ii. **ASEAN Consumer Protection Conference ke-4 Tahun 2024 (4th ACPC)**

- 4th ACPC dengan tema “*Empowering Consumers in Digital and Green Economy: Innovate, Protect, Sustain*” merupakan acara perdana ACCP yang telah diadakan pada 26-29 Ogos 2024 di Phnom Penh, Cambodia yang memfokus kepada isu pendayaupayaan pengguna dalam ekonomi digital dan ekonomi hijau.

iii. **Bengkel Anjuran ACCC dengan kerjasama ACCP di bawah AANZFTA CAP**

- Sebanyak tiga (3) siri bengkel pembangunan kapasiti telah diadakan oleh ACCC dengan kerjasama ACCP pada tahun 2024 untuk negara anggota ASEAN seperti berikut:
 - Bengkel AANZFTA CAP III *E commerce Workshop* pada 15-17 Mei 2024 di Manila, Bangkok yang bertujuan mendalami isu dan cabaran semasa perlindungan pengguna dalam e-dagang dan penipuan dalam talian di peringkat ASEAN dan antarabangsa;

- Bengkel AANZFTA CAP III *Product Safety Workshop* pada 19-21 Jun 2024 di Bangkok yang menyentuh berkenaan isu berbangkit berkaitan kawal selia keselamatan barangan pengguna di peringkat ASEAN dan antarabangsa; dan
- Bengkel AANZFTA CAP III *Workshop on Consumer Guarantees and Warranties* pada 21 dan 22 November 2024 di Vientiane, Lao PDR yang bertujuan meningkatkan kesedaran tentang hak-hak pengguna dan tanggungjawab perniagaan berkenaan jaminan dan waranti di rantau ASEAN.

iv. **Kunjungan Hormat daripada Consumer Protection and Trade Order, Ministry of Trade of Republik Indonesia**

- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah menerima Kunjungan Hormat daripada *Consumer Protection and Trade Order, Ministry of Trade of Republik Indonesia* pada 4 November 2024. Seramai tujuh (7) orang delegasi yang diketuai oleh Mr. Ronald Jenri Silalahi, Direktur Pemberdayaan Konsumen telah mengadakan pertemuan dengan wakil Kementerian yang diketuai oleh YBhg. Dato’ Haji Amran bin Haji Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Pendayaupayaan Pengguna dan Pengurusan).
- Kunjungan hormat ini adalah bertujuan untuk berkongsi pengetahuan berkenaan isu-isu perlindungan pengguna dan seterusnya membincangkan kerjasama yang boleh dijalankan dalam bidang kepenggunaan antara Republik Indonesia dan Malaysia.

AANZFTA CAP III Scholars Program 2024**Mesyuarat ACCP ke 28- Brunei****Bengkel AAZFTA CAP- Product Safety****4th ACPC****Kunjungan hormat indonesia****Mesyuarat ACCP ke-29 Lao**

TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA MALAYSIA (TTPM)

Tribunal Tuntutan Pengguna ditubuh di bawah seksyen 85, Bahagian XII Akta Perlindungan Pengguna 1999 [Akta 599] dengan tiga (3) objektif utama iaitu:

- Menyediakan platform alternatif kepada mahkamah sivil untuk pengguna membuat tuntutan tebus rugi berkenaan dengan barang atau perkhidmatan secara murah, mudah dan cepat;
- Mendengar dan mengadili tuntutan dengan bebas, adil dan saksama; dan
- Membangunkan undang-undang berhubung perlindungan pengguna.

Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia mempunyai bidang kuasa mendengar:

- Tuntutan untuk tebus rugi bagi pembelian barangan dan perkhidmatan yang dibenarkan di bawah bidang kuasa Tribunal sebagaimana diperuntukkan di bawah Akta 599;
- Tuntutan yang jumlah amaunnya tidak melebihi RM50,000.00; dan
- Tuntutan yang terakru dalam masa tiga (3) tahun dari tarikh kejadian.

Berikut merupakan statistik peratus penyelesaian kes dari tahun 2021 sehingga 2024.



Nilai award



RM24,439,639.63



Selesai 60 hari selepas pendengaran pertama

93%
daripada
7,576 kes

Peratus Penyelesaian Kes Dalam tempoh 60 Hari selepas pendengaran pertama dari tahun 2021 sehingga 2024



Bengkel SDS Sistem E-Tribunal 1



CRT SISTEM



CRT TTPM



HEADER WEBSITE E TRIBUNAL



**Perkhidmatan khidmat nasihat
di kaunter TTPM**



Mock Trial di Mahkamah TTPM Putraya dengan kelengkapan CRT



Perkakasan CRT di Mahkamah TTPM Putrajaya



TRIBUNAL RAYUAN PERSAINGAN (TRP)

Peluncuran Buku “Kompilasi Keputusan Kes Tribunal Rayuan Persaingan”

Tribunal Rayuan Persaingan (TRP) telah menerbitkan sebuah naskhah buku “Kompilasi Keputusan Kes Tribunal Rayuan Persaingan” yang merupakan naskah yang pertama seumpamanya diterbitkan sejak penubuhan Tribunal Rayuan Persaingan (TRP) pada tahun 2012. Ia akan menjadi sumber rujukan kepada pengamal undang-undang, pemain industri, ahli akademik dan para pelajar bagi alasan keputusan kes-kes di bawah peruntukan undang-undang persaingan. Buku ini


mengandungi kompilasi keputusan kes rayuan di bawah Akta Persaingan 2010 yang diputuskan oleh panel pendengaran TRP dari tahun 2014 sehingga kini.

Peluncuran buku ini telah disempurnakan oleh YB Datuk Armizan Mohd Ali, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup di Majlis Amanat Tahun Baru 2024 pada 12 Januari 2024.



Peluncuran Buku “Kompilasi Keputusan Kes Tribunal Rayuan Persaingan” pada Majlis Amanat Tahun Baru 2024 bersama YB Menteri KPDN (Beresolusi tinggi)





National Action Council on Cost of Living - Pendekatan Whole of Nation

Sekretariat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL)

Bahagian Subsidi dan Bekalan (BSB)

Bahagian Kawal Selia dan Petroleum (Seksyen Pembangunan Petroleum) (BKSP)

Bahagian Harga Barangan Negara (BHBN)



SEKRETARIAT MAJLIS TINDAKAN SARA HIDUP NEGARA (NACCOL)

Keputusan-Keputusan Penting Mesyuarat



Program Pemberdayaan Pemasaran Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)



Penurunan harga runcit dan borong bagi Beras Putih Import



Pembangunan Indikator Kos Sara Hidup




Pembangunan Portal Ihsan MADANI



Kajian Penstabilan Harga Sabah, Sarawak dan WP Labuan

Sekretariat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) berperanan sebagai badan utama bagi menangani isu-isu dan cabaran berhubung kenaikan kos sara hidup yang memberi kesan kepada kesejahteraan rakyat. Selain itu, sekretariat ini bertujuan memperkukuh dan menyelaraskan pelaksanaan strategi-strategi dan pelan tindakan berkaitan isu sara hidup dengan berkesan melalui kerjasama strategik merentasi sektor awam dan swasta agar segala inisiatif yang dirancang dapat dilaksanakan secara holistik dan bersepadu.

Sepanjang tahun 2024, Sekretariat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara telah mengadakan beberapa mesyuarat di peringkat Jawatankuasa Eksekutif dan tertinggi. Rekod bilangan mesyuarat yang dilaksanakan dan melibatkan Sekretariat NACCOL adalah seperti berikut:



Urus setia

Sekretariat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara

Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara

Pengerusi
Perdana Menteri
Bilangan Mesyuarat
2 kali

Mesyuarat Jawatankuasa Peringkat Eksekutif Majlis Tindakan Sara Hidup Negara

Pengerusi
Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup
Bilangan Mesyuarat
3 kali

Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu

Pengerusi
Ketua Setiausaha Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup
Bilangan Mesyuarat
3 kali

Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Pelaksanaan Majlis Tindakan Sara Hidup Negara

Pengerusi
Timbalan Perdana Menteri
Bilangan Mesyuarat
3 kali

Mesyuarat Jawatankuasa Penstabilan Harga Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan

Pengerusi
Timbalan Perdana Menteri
Bilangan Mesyuarat
2 kali

AKTIVITI-AKTIVITI UTAMA SEKRETARIAT MAJLIS TINDAKAN SARA HIDUP NEGARA (NACCOL) TAHUN 2024



i. Pembangunan Portal Ihsan MADANI

Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Pelaksanaan Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) bilangan 1 Tahun 2024 yang telah dipengerusikan oleh YB Datuk Armizan Mohd Ali, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup telah bersetuju agar Portal Ihsan MADANI dibangunkan sebagai usaha untuk menghebah serta menguar-uarkan inisiatif kerajaan terkait kos sara hidup. Selaras dengan itu, projek pembangunan Portal Ihsan MADANI telah dimulakan pada 1 Mac 2024 dan telah mula beroperasi (go-live) pada 1 Mei 2024. Portal ini mula dibuka kepada umum pada 23 Ogos 2024 melalui Majlis Peluncuran Portal Ihsan MADANI yang telah disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri.

Portal Ihsan MADANI adalah bermatlamat untuk menyediakan sebuah platform khusus di hujung jari bagi memudahkan pengguna mengakses dan mengenal pasti inisiatif semasa kerajaan dari pelbagai kementerian dan agensi pelaksana sama ada di peringkat persekutuan mahupun negeri dengan lebih pantas dan mudah, terutamanya dalam usaha meringankan beban kos sara hidup rakyat. Portal ini mengandungi fungsi antaranya ialah paparan senarai inisiatif

kos sara hidup semasa mengikut kluster di bawah NACCOL serta keupayaan menyemak kesesuaian penerimaan bantuan khusus berdasarkan profil pengguna.



ii. Kajian Penstabilan Harga Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan

Kajian Penstabilan Harga di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan telah diwujudkan bagi menganalisa faktor kenaikan harga barang dan perkhidmatan di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Kajian Penstabilan Harga di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan dilaksanakan selama enam (6) bulan oleh Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).

Kajian tersebut mendapati bahawa antara faktor menyebabkan kenaikan harga dan perbezaan harga berbanding semenanjung ialah faktor geografi, infrastruktur dan logistik. Pihak UMS dan UNIMAS turut mencadangkan pelbagai inisiatif jangka masa pendek, sederhana dan panjang sebagai intervensi menstabilkan harga barangan di Sabah, Sarawak dan WP Labuan.

iii. Sesi Libat Urus Sekretariat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL)

NACCOL telah terlibat di dalam beberapa siri sesi libat urus bagi membincangkan terutamanya mengenai isu kos sara hidup dan sekuriti makanan negara. Antara sesi libat urus yang melibatkan NACCOL adalah seperti berikut:

a. Sesi Libat Urus YBTM bersama *Khazanah Research Institute* di bawah Pemerkasaan Kos Sara Hidup Tahun 2024

Khazanah Research Institute telah membentangkan kajian pindahan wang tunai yang bertajuk **“Cash Transfer: International Insights and The Malaysian Experiences”** bersama Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup pada 7 Mei 2024 untuk perbincangan yang lebih lanjut berkaitan kajian ini. Kaedah pindahan wang tunai (*cash transfer*) merupakan salah satu inisiatif kerajaan untuk membantu rakyat dalam mendepani isu-isu berkaitan kos sara hidup. Pemindahan tunai telah menyumbang kepada peningkatan perlindungan sosial dan keselamatan, merangsang pembangunan dan pertumbuhan ekonomi, meningkatkan pembangunan modal insan dan mobiliti sosial, serta mempromosikan hak, kesamarataan, dan keadilan.

b. Sesi Libat Urus Berkenaan Komponen Bantuan Tunai di bawah Pelaksanaan Program Penyasaran Semula Subsidi

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dipertanggungjawabkan untuk menyelaraskan tindakan berkaitan kos sara hidup dengan penekanan kepada kaedah *whole of government approach*. Lazimnya agenda sedemikian diselarasakan oleh Agensi Pusat, namun begitu adalah wajar sekiranya KPDN dilibatkan terutamanya dalam proses pembangunan polisi di setiap peringkat memandangkan KPDN ialah Sekretariat induk kepada Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) serta menjadi *focal point* bagi pelbagai inkuiri dan pertanyaan terutamanya Parlimen, *civil society organizations* (CSO) serta pihak berkepentingan lain. Dengan keterlibatan KPDN secara langsung juga dapat KPDN menjawab persoalan berbangkit terutamanya pada masa sekarang yang melibatkan kaedah penyasaran subsidi.

Sehubungan itu, satu sesi libat urus bersama-sama dengan Kementerian Ekonomi dan Kementerian Kewangan bagi mendapat penerangan, pandangan serta input sebagai salah satu proses pembangunan polisi bagi dasar penyasaran subsidi untuk RON95 khususnya mengenai dasar bantuan tunai telah diadakan pada 1 Ogos 2024 yang telah dipengerusi oleh YB Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup.



iv. Lain-lain sesi libat urus sepanjang Januari hingga Disember 2024

2
Ogos
2024

Sesi Libat Urus Berkenaan Dengan Kos Sara Hidup Bersama YBr. Profesor Emeritus Dr. Barjoyai Bardai

6
Ogos
2024

Sesi Libat Urus Bagi Advokasi Pelaksanaan Program Rabat Bil Tarif Pembentukan IWK Kepada Golongan Sasar

21
Nov
2024

Sesi Libat Urus Advokasi Penggunaan Indikator Kos Sara Hidup (KSH) 2023



iv. Pelaksanaan Bengkel oleh Sekretariat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) Tahun 2024

a. Bengkel Pembangunan Pelan Komunikasi Strategik Kos Sara Hidup Tahun 2024

Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) Bilangan 1 Tahun 2024 yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri telah memutuskan NACCOL mewujudkan satu *Task Force* komunikasi yang dipengerusikan oleh Kementerian Komunikasi supaya mesej ini sampai kepada semua rakyat dan jika dipraktikkan dengan betul, rakyat dapat menjalani kehidupan yang selesa dan wajar selari dengan pendapatan dan taraf kos sara hidup mereka.

KPDN dengan kerjasama Kementerian Komunikasi telah mengadakan bengkel pada 4 dan 5 Mac 2024 untuk merangka strategi '*mind conditioning*' kepada rakyat melalui sentimen serta naratif yang baik dan berkesan.

b. Sesi Libat Urus (SLU) Advokasi Penggunaan Indikator Kos Sara Hidup 2023

Bersempena dengan peluncuran statistik baharu yang mengukur kos sara hidup rakyat dengan lebih komprehensif melalui Indikator Kos Sara Hidup yang dibangunkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, KPDN mengambil peluang untuk mengadakan Sesi Libat Urus (SLU) Advokasi Penggunaan

Indikator Kos Sara Hidup 2023 pada 21 November 2024 yang dihadiri oleh wakil-wakil Kementerian, Jabatan dan Agensi, Kerajaan Negeri, Badan Bukan Kerajaan (NGO), para penyelidik dan ahli akademik.

SLU ini merupakan salah satu inisiatif dalam pelan komunikasi berbentuk advokasi dan bertujuan untuk memberi kefahaman berkenaan indikator baharu ini serta penggunaannya merentasi program dan aktiviti terkait kos sara hidup rakyat yang boleh dimanfaatkan oleh semua lapisan pengguna. Mengambil pendekatan *whole of nation*, KPDN berharap supaya indikator ini dapat digunapakai oleh semua pihak dan dapat disesuaikan dengan perancangan dan pelaksanaan dasar baharu ke arah kesejahteraan hidup rakyat.



BAHAGIAN SUBSIDI DAN BEKALAN (BSB)

PENAMBAHBAIKAN SISTEM eCOSS

Sistem Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (eCOSS) adalah merupakan satu sistem pangkalan data berpusat bagi menguruskan permohonan dan kelulusan kuota minyak masak bersubsidi, tuntutan pembayaran subsidi minyak masak kepada pemegang kuota dan pemantauan bekalan serta pengedaran minyak masak bersubsidi daripada kilang penapisan hingga ke peringkat peruncitan di seluruh negara. Sistem eCOSS telah go live secara rasmi mulai 1 Ogos 2022 dengan kemasukan pengguna sistem secara berfasa. Bermula 1 Ogos 2022, semua kilang penapis minyak masak, syarikat pembungkus, pemborong dan peruncit minyak masak telah diarahkan menggunakan sistem eCOSS secara berperingkat, bermula dengan fasa pertama di negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Sistem eCOSS mula berkuatkuasa secara sepenuhnya di seluruh Malaysia bermula 1 Januari 2023 oleh kilang penapis, syarikat pembungkus, pemborong dan peruncit yang mempunyai lesen barang kawalan (CSA) minyak masak. Modul yang mula digunakan adalah modul pendaftaran syarikat dan modul jualan oleh kilang penapis dan syarikat pembungkus.

Selain daripada mewajibkan kilang penapisan dan syarikat pembungkusan menggunakan sistem eCOSS, KPDN turut mengukuhkan mekanisme pemantauan pengedaran minyak masak paket bersubsidi 1kg di pasaran dengan mewajibkan semua pemborong dan peruncit untuk berdaftar ke dalam sistem eCOSS.



Pendaftaran pemborong membantu melengkapkan usaha pemantauan pengedaran minyak masak di setiap lapisan rantaian di pasaran apabila setiap lapisan rantaian diwajibkan merekodkan transaksi.

Pada 1 April 2023, KPDN telah mewajibkan semua pemborong untuk merekodkan transaksi pembelian dan jualan minyak masak paket bersubsidi 1kg. Meskipun pemborong dan peruncit yang berdaftar di dalam sistem eCOSS tidak terlibat dalam proses tuntutan subsidi, pendaftaran pemborong dan peruncit di dalam sistem eCOSS amat penting bagi tujuan verifikasi dan pengesahan bahawa pengedaran minyak masak paket bersubsidi 1kg sampai ke peringkat peruncit dan tiada ketirisan berlaku di pertengahan rantaian edaran.

KPDN juga telah membangunkan Aplikasi Mobile eCOSS di bawah sistem eCOSS bagi memantau dan mengawal jualan minyak masak paket bersubsidi di peringkat runcit dan pengguna.



INISIATIF IHSAN KOMUNITI RUNCIT KPDN TAHUN 2024 - PEMBERIAN LESEN CSA KEPADA PESERTA DI BAWAH PROGRAM PENGEDARAN BARANG PERLU, LPG DAN COMMUNITY DRUMMING (PROGRAM PENYERAGAMAN HARGA)



Program Pengedaran Barangan Perlu, LPG & *Community Drumming* dilaksanakan untuk memastikan penduduk di kawasan luar bandar dan pedalaman mendapat bekalan tujuh (7) barangan keperluan bersubsidi/kawalan pada harga yang ditetapkan kerajaan sama seperti di bandar. Hal ini juga bertujuan untuk menampung caj perkhidmatan bagi mengedarkan barang keperluan di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak melalui penanggung kos pengangkutan dari pembekal ke kawasan pedalaman. *Transporter* tempatan dilantik untuk membeli barang keperluan dan menjual kepada *Point of Sales* (POS) di kawasan pengedaran. POS seterusnya menjual bekalan kepada penduduk pada harga kawalan. Kawalan turut dibuat dengan melantik *Transporter* bagi tujuan edaran barang keperluan tersebut. Tujuh (7) barangan tersebut adalah beras, gula, minyak masak, tepung gandum, LPG, petrol RON95 dan diesel. Enam (6) daripada tujuh (7) barangan ini merupakan barang-

barang kawalan berjadual di bawah Jadual Bahagian I, Peraturan 2(1), Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974.

Berdasarkan inisiatif ini, lesen CSA akan diberikan secara manual kepada kesemua 155 syarikat pengangkut (syarikat *transporter* di bawah Program Penyeragaman Harga) sebagai langkah pemudahcara syarikat-syarikat *transporter* mendapatkan lesen CSA berdasarkan ketetapan yang dipersetujui oleh Ketua Setiausaha KPDN Selaku Pengawal Bekalan seterusnya memastikan semua peserta program mempunyai lesen CSA yang sah untuk perniagaan masing-masing serta mematuhi perundangan yang berkuatkuasa.

OBJEKTIF INISIATIF IHSAN KOMUNITI RUNCIT KPDN TAHUN 2024:

- Memastikan semua pihak yang menjalankan urusan niaga melibatkan barang-barang kawalan berjadual mempunyai lesen CSA dan boleh dikenakan tindakan sekiranya disyaki melakukan apa-apa kesalahan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961;
- Memastikan data-data pelesenan yang diperoleh melibatkan kawasan-kawasan *underserve* atau kawasan rentan; dan
- Memastikan keterjaminan bekalan di pasaran khususnya di kawasan *underserve* atau kawasan rentan.

PENGEDARAN MINYAK MASAK PAKET BERSUBSIDI POLIBEG 1KG MENGIKUT NEGERI-NEGERI (ZONING)

TAKLIMAT/PELAKSANAAN ZONING MENGIKUT NEGERI-NEGERI:

- Sabah
22 hingga 24 Mac 2024
- Sarawak
4 hingga 6 September 2024
- Melaka, Negeri Sembilan, Selangor, WP Kuala Lumpur, Perak, Kedah dan Pahang
24 dan 25 Oktober 2025
- Pulau Pinang, Perlis, Johor, Kelantan dan Terengganu
26 Februari 2025
- Johor
12 Mac 2025

Bagi mengatasi isu bekalan minyak masak bersubsidi di Negeri Sabah, Pihak Pengurusan Tertinggi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah bersetuju supaya satu sesi diadakan bagi membincangkan kaedah dan mekanisme terbaik untuk mengatasi isu ketidakseimbangan bekalan minyak masak paket bersubsidi polibeg 1kg di Sabah. Oleh yang demikian, cadangan pelaksanaan agihan minyak masak bersubsidi (*zoning*) telah dilaksanakan berdasarkan perwakilan kuasa oleh Ketua Setiausaha selaku pengawal bekalan. Timbalan pengawal bekalan (Pengaruh-pengaruh KPDN Negeri) untuk mengeluarkan arahan melalui surat bertarikh 21 Jun 2024.

Langkah ini bertujuan bagi memperkukuhkan lagi mekanisme pemantauan dalam memastikan bekalan sentiasa mencukupi menerusi kawalan terhadap rantai pengedaran minyak masak bersubsidi sehingga ke pengguna akhir.



Mesyuarat Zoning bersama KPDN Negeri Sembilan, Melaka, Selangor, WP Kuala Lumpur, Perak, Kedah & Pahang



Mesyuarat Zoning bersama KPDN Negeri Pulau Pinang, Perlis, Terengganu, Kelantan & Johor



Mesyuarat Zoning bersama KPDN Negeri Sabah dan syarikat pembungkus minyak masak



Mesyuarat Zoning bersama KPDN Negeri Sarawak

BAHAGIAN KAWAL SELIA DAN PETROLEUM (SEKSYEN PEMBANGUNAN PETROLEUM) (BKSP)

PENYASARAN SUBSIDI DIESEL DI STESEN-STESEN MINYAK DI SEMENANJUNG MALAYSIA

Kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah menguatkuasakan harga baharu diesel pada kadar RM3.35 seliter di stesen minyak Semenanjung Malaysia mulai 10 Jun 2024, jam 12.00 tengah malam. Sejumlah 33 jenis kenderaan pengangkutan awam dan barangan terus menikmati diesel bersubsidi melalui penggunaan *fleet card* di bawah Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) 2.0.

Bersempena dengan itu, KPDN telah melaksanakan beberapa siri Hari Terbuka SKDS 2.0 yang melibatkan syarikat-syarikat yang mempunyai kenderaan jenis pengangkutan barangan. Platform ini memberikan ruang bagi syarikat-syarikat yang tersenarai untuk mendapatkan maklumat lanjut secara bersemuka seterusnya mengemukakan permohonan bagi mendapatkan *fleet card* daripada syarikat-syarikat minyak pilhan.

Pelaksanaan SKDS 2.0 ini merupakan pendekatan untuk menangani isu ketirisan subsidi bahan api diesel melalui mekanisme pemantauan dan penguatkuasaan secara digital. Ia melibatkan peralihan mekanisme analog skid tank kepada penggunaan *fleet card* dalam memastikan subsidi dapat dimanfaatkan sepenuhnya kepada kumpulan sasar.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

3. KELAYAKAN JENIS KENDERAAN SKDS




BUDI MADANI
mysubsidi DIESEL

Sedia ada
Sektor Pengangkutan
Darat Awam

[SKDS 2.0] Perluasan
Sektor Pengangkutan Darat
Barangan Bagi 9 Jenis Kenderaan

[SKDS 2.0] Tambahan
Sektor Pengangkutan Darat
Barangan Bagi 14 Jenis Kenderaan



Penyerahan Fleet Card



Hari Terbuka SKDS



BUDI MADANI
MYSUBSIDI DIESEL

PENYASARAN SUBSIDIE DIESEL – MYSUBSIDIE DIESEL
STATISTIK PERMOHONAN SYARIKAT & KENDERAAN
SKDS | 13 JANUARI 2025 (ISININ)*

Sektor Pengangkutan Darat Barangan
Syarikat : 106,876 Kenderaan : 284,348

Sektor Pengangkutan Darat Awam
Syarikat : 4,590 Kenderaan : 19,126

Keseluruhan
Syarikat : 111,466 Kenderaan : 303,484

Jumlah Penggilan Talian SKDS Diterima Pada 13 Januari 2025 (Isnin): 140

*Data diambil pada 4:00 petang, Selasa (14 Januari 2025)

Sumber: Statistik Permohonan Syarikat & Kenderaan Melalui Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS)

CARA PENYERAHAN DIESEL BERSUBSIDI & FLEET CARD KE BAWAH SISTEM KAWALAN DIESEL BERSUBSIDI SKDS 2.0

MANFAAT
SISTEM KAWALAN DIESEL BERSUBSIDI 2.0 (SKDS 2.0)

Pusat Penggilan Sistem MYSUBSIDIE (Sistem KYSM)

PERMITS
SISTEM KAWALAN DIESEL BERSUBSIDI 2.0 (SKDS 2.0)

KENDERAAN LAYAK DI BAWAH SISTEM KAWALAN DIESEL BERSUBSIDI SKDS 2.0

PERTANYAAN & MAKLUMAT LANJUT SKDS 2.0

03-8084 4566

PERMITS
SISTEM KAWALAN DIESEL BERSUBSIDI 2.0 (SKDS 2.0)

PEMBAYARAN SEMULA SEMENTARA PENERIMA SKDS 2.0

SYARAT KELAYAKAN PERMOHONAN DIESEL BERSUBSIDI SKDS 2.0 SEKTOR PENGANGKUTAN DARAT (BARANGAN)

SYARAT KELAYAKAN PERMOHONAN DIESEL BERSUBSIDI SKDS 2.0 SEKTOR PENGANGKUTAN DARAT (BARANGAN)

PROGRAM PENGEDARAN BARANG PERLU, LPG DAN COMMUNITY DRUMMING

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah melaksanakan Program Pengedaran Barang Perlu, LPG dan *Community Drumming* bagi memastikan barang-barang bersubsidi dan kawalan sampai kepada kumpulan sasaran di kawasan pedalaman. Program yang mula dilaksanakan sejak tahun 2009 ini juga bertujuan untuk menangani isu perbezaan besar harga barang-barang bersubsidi dan kawalan di kawasan pedalaman berbanding kawasan-kawasan lain.


Melalui pelaksanaan program ini, Kerajaan menanggung kos pengangkutan membawa tujuh (7) barangan bersubsidi/kawalan iaitu beras, gula, tepung gandum, minyak masak, LPG, Petrol RON95, dan Diesel dari pembekal ke kawasan-kawasan pedalaman di enam (6) negeri iaitu **Sabah, Sarawak, Kedah, Kelantan, Terengganu dan Pahang** supaya penduduk di kawasan pedalaman boleh membeli tujuh barangan di atas dengan harga yang sama seperti harga di bandar/pekan terdekat.

Kerajaan telah melantik *transporter* untuk membeli tujuh barangan di atas dari pembekal/punca bekalan dan seterusnya menghantar dan menjual barangan tersebut ke *Point of Sales* (POS) di kawasan pengedaran di pedalaman. POS pula seterusnya menjual barangan tersebut kepada penduduk setempat pada harga subsidi/kawalan yang ditetapkan oleh kerajaan.



Statistik Program Pengedaran Barang Perlu, LPG Dan Community Drumming Tahun 2024

Negeri	Populasi	Bil Transporter	Bil Zon	Bil. Kawasan Pengedaran	Bil. Pos
Sabah	529,948	55	71	219	670
Sarawak	555,009	90	121	586	960
Kedah	5,229	3	1	1	18
Kelantan	50,410	3	3	26	75
Terengganu	13,100	2	3	3	11
Pahang	13,438	4	4	19	46
Jumlah	1,167,134	157	203	854	1,780



KITA GEMPUR

KITA GEMPUR memberi tumpuan kepada tindakan proaktif dan memperketat tindakan penguatkuasaan ke atas ketirisan, penyelewengan dan penyeludupan barangan kawalan dan subsidi serta manipulasi, penipuan dan kartel dalam aktiviti perniagaan.

Inisiatif KITA GEMPUR telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri semasa Program MADANI Rakyat 2024 Sayangi Sabah pada 19 Oktober 2024 bersama Rakan Strategik Kepenggunaan. KITA GEMPUR melibatkan elemen KITA iaitu

K Kerajaan **I** Industri **T** Tatakelola **A** Awam

yang bersama-sama menggembelng tenaga untuk melaksanakan program ini.



Program Advokasi Kita Gempur Tahun 2024

Bil	Tarikh	Butiran Program	Kehadiran VIP	Sasaran
1	19 Oktober 2024	Majlis Pelancaran KITA GEMPUR di Pavilion KPDN semasa Program MADANI Rakyat 2024 Sayangi Sabah	Dilancarkan oleh YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim	-
2	22 Oktober 2024	Temubual MHI di TV3 berkenaan KITA GEMPUR	Dihadiri oleh En. Afdal Izal bin Md Hashim	-
3	25-26 Oktober 2024	REDi 6 Hours Challenge 2024 di Kota Tinggi, Johor	-	300 peniaga
4	28 Oktober 2024	Program KITA GEMPUR @ Tawau Bersama Rakan Strategik Kepenggunaan	Dirasmikan oleh YB Datuk Armizan Mohd Ali	30 transporter, 29 pengusaha stesen minyak, 7 syarikat pembungkus minyak masak, 12 wakil pengguna setempat dan 21 pemborong dan peruncit utama
5	7 November 2024	Program Jelajah KITA GEMPUR Bersama YBTM di Pulau Pinang dan Perlis	Dirasmikan oleh YB Senator Dr. Hajah Fuziah binti Salleh	Kedai runcit dan kilang pembungkus minyak masak
6	8 November 2024	Program Jelajah KITA GEMPUR Bersama YBTM di Kedah		Kedai runcit dan kilang yang menyalahgunakan tong gas LPG bersubsidi

Bil	Tarikh	Butiran Program	Kehadiran VIP	Sasaran
7	13 November 2024	Program Advokasi dan Sesi Libat Urus KITA GEMPUR Bersama Pengarah Bahagian, KPDN Negeri, KPDN Cawangan dan Agensi di Bawah KPDN	Dirasmikan oleh YBhg. Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar	Jumlah kehadiran seramai 104 orang 70 orang yang terdiri daripada 16 Pengarah Bahagian, 10 Pengarah KPDN Negeri, 14 CEO, 5 wakil dari Agensi, 6 wakil dari Bahagian Penguat Kuasa yang hadir secara fizikal 34 orang wakil dari Cawangan yang hadir secara <i>online</i>
8	15 November 2024	Program Jelajah KITA GEMPUR Bersama YBTM dan Program Pengedaran Barang Perlu, LPG dan <i>Community Drumming</i> di Pasir Raja Dungun, Terengganu.	Dirasmikan oleh YB Senator Dr. Hajah Fuziah binti Salleh	<i>Transporter</i>
9	17-19 November 2024	Majlis Perdana Gerakan Pengguna Siswa Peringkat Kebangsaan di UTM Hotel dan Residence Kuala Lumpur	Dihadiri oleh En. Afdal Izal bin Md Hashim sebagai penceramah jemputan dan dirasmikan oleh YB Datuk Armizan Mohd Ali	Mahasiswa dan mahasiswi
10	20 November 2024	Temubual Astro Awani berkenaan KITA GEMPUR	Dihadiri oleh YBhg. Datuk Azman bin Adam	-
11	22 November 2024	Program Jelajah KITA GEMPUR Bersama YBTM di Sarawak	Dirasmikan oleh YB Senator Dr. Hajah Fuziah binti Salleh	Pasaraya
12	22-24 November 2024	Pembukaan reruai pameran KITA GEMPUR semasa Program 2 Tahun MADANI di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur	Dilawati oleh YB Datuk Armizan Mohd Ali dan YBhg. Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar	
13	30 November 2024	Program <i>Training of Heroes</i> KPDN Peringkat Negeri Pulau Pinang Tahun 2024	Dihadiri oleh Encik Zalirizal bin Abd Rahman sebagai penceramah jemputan	50 orang Hero Pengguna
14	1 Disember 2024	Program <i>Walkabout</i> KITA GEMPUR Bersama YBM di Sandakan	Dirasmikan oleh YB Datuk Armizan Mohd Ali	Pemilik kedai runcit dan premis perniagaan
15	6-8 Disember 2024	Pembukaan reruai pameran KITA GEMPUR semasa Program Jelajah Karnival KPDN Zon Selatan tahun 2024 di Ayer Keroh, Melaka	Dirasmikan oleh YB Datuk Armizan Mohd Ali	
16	10 Disember 2024	Mesyuarat Gerakan Pengguna Negeri (GPN) Pulau Pinang Bil 2/2024	Dihadiri oleh Encik Zalirizal bin Abd Rahman sebagai penceramah jemputan	

Bil	Tarikh	Butiran Program	Kehadiran VIP	Sasaran
17	14 Disember 2024	Sesi Aku Janji KITA GEMPUR Bersama Syarikat Minyak semasa Mesyuarat Penyelaras Penguatkuasaan Bersama Agensi Penguatkuasaan untuk Negeri Sabah, Sarawak dan Labuan di Borneo Convention Centre, Kuching	Dirasmikan oleh YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof	11 syarikat minyak di Malaysia iaitu Petronas, Shell, Petron, Caltex, BHPetrol, Xcel, FIVE, PETROS, Buraq Oil, SMART dan Petro Teguh
18	15 Disember 2024	Program Advokasi KITA GEMPUR Bersama MACFEA di USIM, Negeri Sembilan	Dihadiri oleh En. Afdal Izal bin Md Hashim sebagai penceramah jemputan	Mahasiswa dan mahasiswi USIM
19	28 Disember 2024	Program Advokasi KITA GEMPUR Bersama MACFEA di UUM, Kedah	Dihadiri oleh wakil KPDN Kedah sebagai penceramah jemputan	70 mahasiswa dan mahasiswi UUM



PETRONAS ROVR

- KPDN telah bersetuju untuk membenarkan operasi penjualan runcit petroleum secara bergerak kepada PETRONAS Dagangan Berhad melalui inovasi PETRONAS ROVR. Inisiatif ini adalah satu usaha dalam meraikan model perniagaan baharu penjualan produk petroleum berbanding konsep konvensional iaitu stesen minyak.
- Menerusi kaedah baharu ini, PETRONAS Dagangan Berhad memulakan operasi di kawasan kediaman baharu/bandar baharu yang sukar untuk mendapatkan bekalan bahan api dari stesen minyak antaranya adalah di Bandar Gamuda Cove, Dengkil, Selangor dan Bandar Gamuda Gardens, Rawang, Selangor.
- Selain itu, PETRONAS ROVR juga turut terlibat dalam membekalkan bahan api di kawasan-kawasan yang terlibat dengan bencana seperti musibah banjir di Pantai Timur sebagai usaha tanggungjawab sosial korporat (CSR).
- KPDN masih memantau secara rapat inisiatif ini dan melaksanakan proses pengumpulan data bagi memperkukuh dasar dan polisi perniagaan baharu seumpama ini.



PROGRAM PENGEDARAN BARANG PERLU

Mesyuarat Jawatankuasa Penentuan Kawasan dan Kuota



Mesyuarat Jawatankuasa Penentuan Kawasan Mesyuarat Khas Hala Tuju Program Penyeragaman Harga n dan Kuota



Gimik Penyerahan Lesen CSA kepada Peserta Program Penyeragaman Harga Sempena Program Kita Gempur di Tawau, Sabah



Lawatan Point of Sales (POS)



Lawatan Kerja TKSU



Lawatan POS Zon Abai, Gana



Lawatan POS Zon Pulau Redang

Mesyuarat Memuktamadkan Spesifikasi Baharu



Mesyuarat Pra Penentuan Kawasan dan Kuota



Taklimat Penyediaan Spesifikasi



Taklimat Tender 2025-2027



BAHAGIAN HARGA BARANGAN NEGARA (BHBN)

PROGRAM PEMANTAUAN HARGA



Pemantauan harga melibatkan lebih

1,500
premis


termasuk pasar basah, pasar raya besar, pasar raya, pasar mini dan kedai runcit.



Program Pemantauan Harga merupakan satu inisiatif Kerajaan yang diperkenalkan pada tahun 2008 bagi mengatasi isu kenaikan harga barang dan masalah bekalan barangan yang menjejaskan kehidupan rakyat terutamanya golongan berpendapatan rendah. Program ini

dilaksanakan oleh Pegawai Pemantau Harga (PPH) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) di seluruh negara dan dikawal selia oleh Majlis Harga Barangan Negara (MHBN) yang kini telah dijenamakan semula sebagai Bahagian Harga Barangan Negara (BHBN).

a. Pemantauan Harga melibatkan 480 item barangan



b. Bilangan Pelaporan Yang Dikeluarkan Setahun




1,026
LAPORAN **RUTIN**



371
LAPORAN **ADHOC**

- c. **Inspektorat Pemantauan Harga (*Mystery Shopping*)** dilaksanakan bagi memastikan kutipan data harga lebih tepat dan berintegriti.



Pelaksanaan pemantauan harga di lapangan oleh Pegawai Pemantau Harga




Pemantauan harga barangan di pasar raya besar, pasar raya, pasar basah, pasar mini dan kedai runcit di seluruh negara.

ADVOKASI APLIKASI PRICECATCHER DI SELURUH NEGARA

Aplikasi *PriceCatcher* membolehkan pengguna membuat perancangan perbelanjaan secara berhemah dan mendapatkan barangan keperluan pada harga yang berpatutan. Melalui aplikasi ini, pengguna boleh menyemak dan membandingkan harga bagi 480 barangan yang merangkumi barangan segar, barangan kering, barangan

berbungkus/tin/pek/kotak/botol, susu dan barangan bayi, produk kebersihan serta minuman.

Advokasi aplikasi *PriceCatcher* ini giat dijalankan supaya pengguna lebih bermaklumat terhadap harga barangan di pasaran.



Pelaksanaan advokasi Aplikasi *PriceCatcher*



PROGRAM MADANI RAKYAT ZON UTARA

Reruai *PriceCatcher* di Program MADANI Rakyat 2024 Zon Utara yang diadakan pada 3-5 Mei 2024 bertempat di Tapak Pesta Sungai Nibong, Pulau Pinang.

JELAJAH KARNIVAL KPDN TAHUN 2024

TIMUR - Reruai *PriceCatcher* di Program Jelajah Karnival KPDN 2024 Zon Timur yang diadakan pada 6-8 Jun 2024 bertempat di Tapak RTC Tunjong, Kota Bharu, Kelantan.

SARAWAK - Reruai *PriceCatcher* di Program Jelajah Karnival KPDN 2024 Zon Sarawak yang diadakan pada 20-22 September 2024 bertempat di Tapak Metrocity Events Park, Kuching, Sarawak.



MAHA 2024

Reruai *PriceCatcher* di Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (Malaysia Agriculture, Horticulture & Agrotourism) MAHA 2024 yang diadakan pada 11-22 September 2024 bertempat di Maeps Serdang, Selangor.

MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU) PERKONGSIAN DATA HARGA ANTARA KPDN BERSAMA MYDIN DAN REDTICK



2 pasar raya
berkongsi
harga


Redtick MYDIN

KPDN, Pasar Raya MYDIN dan Redtick telah menjalinkan kerjasama melalui Memorandum Persefahaman (MoU) berkaitan perkongsian data harga barangan melalui Aplikasi *PriceCatcher*. Kerjasama strategik ini dirintis bagi mendaya upaya pengguna untuk meningkatkan akses kepada maklumat berhubung harga barangan di pasaran dan sekali gus membuat perbandingan dan pilihan.

Pemeteraian MoU bersama Pasar Raya MYDIN dan Redtick menjadi usaha rintis untuk menambahbaik aplikasi ini melalui perkongsian data secara automasi oleh pasar raya terlibat untuk dipaparkan di dalam ruangan 'Perkongsian Harga Pasar Raya'.



Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) Perkongsian Data Harga antara KPDN bersama MYDIN dan Redtick untuk paparan dalam Aplikasi *PriceCatcher* yang diadakan pada 13 November 2024 bertempat di MYDIN Subang Jaya, Selangor.



SOROTAN LENSA 2024

Perjumpaan YAB Perdana Menteri dengan Penguat Kuasa KPDN



Pengiktirafan Malaysia Book of Record Jelajah Karnival KPDN Zon Selatan (Melaka)

Kempen KITA GEMPUR



Jelajah Karnival KPDN di Seluruh Negara

Hari Terbuka sempena Penyasaran Subsidi Diesel SKDS 2.0



MySave Food

Perasmian KBBM 2024



Program MADANI Rakyat Sabah

SIDANG EDITORIAL

Penaung	Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar
Penasihat	Jaafar bin Jantan
Ketua Editor	Eliana binti Mahat @ Mazlan
Editor	Zulfadhly bin Mat Jani
	Noor Hazwani binti Mohd Halir
Jurufoto	Fadzilah binti Mohd Noordin
	Syazleen Ilyanee binti Shahril Izuan

PENYELARAS BAHAGIAN/AGENSI

Bahagian Penguat Kuasa	Ahmad Abrar bin Ahmad Shahrudin
Sekretariat Perdagangan dan Industri Perkhidmatan	Anis Afiza binti A Latiff
Bahagian Pembangunan Perniagaan	Nadia Farhana binti Mohd Saidi
Bahagian Pembangunan Jualan Langsung	Nabila Suhana binti Azhar
Bahagian Gerakan Kepenggunaan	Izzul Izwan bin Ismail
Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia	Siti Wardah binti Zaidun
Bahagian Standard Kepenggunaan	Syakila binti Ismail
Bahagian Penyelidikan dan Dasar Kepenggunaan	Nur Shahida binti Abdullah
Tribunal Rayuan Persaingan	Haderiah binti Siri
Bahagian Subsidi dan Bekalan	Maryam binti Muhamad Yusni
Bahagian Kawal Selia Petroleum	Noor Azrah binti Mohd Nordin
Sekretariat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara	Sukinurlin binti Yusuf
Bahagian Harga Barangan Negara	Muhammad Zahid bin Zainol



PENYELARAS BAHAGIAN/AGENSI

Bahagian Dasar, Perancangan Strategik dan Antarabangsa

Al-Shams bin Abdul Wahid

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

Siti Sarah binti Mohd Rasid

Bahagian Khidmat Pengurusan dan Kewangan

Mazleen binti Othman

Bahagian Pengurusan Maklumat

Mazlinda binti Katmin

Bahagian Audit Dalam

Lina

Unit Integriti

Mohd Samadi bin Haji Mohd Arshad

Bahagian Analisis Ekonomi dan Data Strategik

Rozaimah binti Harun

Bahagian Akaun

Mohd Zahirudin bin Yahya

Suruhanjaya Persaingan Malaysia


Wan Asmanizan binti Wan Ahmad Najib

Suruhanjaya Syarikat Malaysia

Shaharmiz Ilyaanee binti Mahmood Sabri

Perbadanan Harta Intelek Malaysia

Emeliadiana binti Alawi
Zainab binti Ismai



 KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP

No. 13, Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya, Wilayah Persekutuan Putrajaya.

 1-800-886-800

 KPDN Laman Rasmi

 www.kpdn.gov.my

 #kpdnhep

 eaduan.kpdn.gov.my

 @KPDN_HQ

 019-848 8000

 @KPDN



APLIKASI EZ ADU KPDN

